

**BAB 1**  
**PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MALAYSIA:**  
**Peranan Pemimpin Tempatan**

**1.0 Pebangunan sosio-ekonomi dari sudut kesejahteraan sosial**

Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia Tenggara yang sedang pesat membangun dan berhasrat untuk menjadi negara maju yang seimbang dan lestari agar kesejahteraan sosial dapat dicapai kerana setiap aktiviti pembangunan yang dilaksanakan akan memberi impak terhadap masyarakat. Secara umumnya terdapat banyak pengertian kesejahteraan sosial, terdapat dua pengertian kesejahteraan sosial menurut Edi Suharto di dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Pengembangan Sebagai Pilar Pembangunan Kesejahteraan Sosial* iaitu:

- i. Kesejahteraan sosial dipandang sebagai kebaikan sosial (social well-fare) sebagai lawan kepada ketidaksejahteraan sosial (social ill-fare). Ertinya, kesejahteraan sosial menunjuk kepada kondisi kehidupan sejahtera, kebaikan sosial, keadaan yang baik, kemakmuran, kebahagiaan yang dinilai dengan memenuhi keperluan manusia terutamanya yang asas.
- ii. Kesejahteraan sosial diertikan sebagai sebuah system kegiatan layanan sosial yang dilakukan oleh pihak pemerintah dan pihak awam (civil society) yang mana jika di Barat, sosial umumnya mencakupi lima perkara iaitu jaminan sosial (social security), perawatan kesihatan, penyediaan pendidikan dasar dan khusus, penyediaan perumahan awam dan pelayanan sosial personal (personal social services).

Manakala Asmah Ahmad di dalam artikelnya yang bertajuk *The Changing Trend and Pattern of Public Safety in Malaysia Since Independence: Implications to Its Social Well-Being* pula memetik maksud kesejahteraan sosial itu sebagai darjah di mana keperluan dan kehendak populasi itu dipenuhi (Johnston et al. 2000). Ia mencerminkan kualiti hidup yang dinikmati oleh individu atau kumpulan. Kualiti hidup pula dalam erti kata lain adalah merupakan pernyataan terhadap kesejahteraan sosial manusia seperti mana

penerimaan mereka atau seperti yang dikenalpasti melalui indikator yang boleh diperhatikan.

### **1.1 Pembangunan sosio-ekonomi dari sudut Dasar Sosial Negara**

Cabaran yang ketujuh ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri, dengan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi disekeliling sistem keluarga yang kukuh. Ucapan Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia di perasmian Institut Sosial Malaysia pada 1hb Oktober 2005. Inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberikan nafas baru kepada Institut Sosial Malaysia. Institut ini diilhamkan bagi meningkatkan keberkesanan agenda pembangunan sosial negara. Pembangunan sosial merupakan satu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada manusia dan sistem sosialnya. ia berhubung kait dengan dasar, program dan aktiviti yang menjurus kepada pengisian nilai dan pembangunan budaya yang dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. dengan itu, pembangunan sosial menjadi amat kritikal dalam usaha pembangunan negara.

Di samping itu, tahap kemajuan sesebuah negara tidak boleh diukur hanya berdasarkan pembangunan fizikal dan kejayaan material semata-mata. sebaliknya, aspek kualitatif seperti kemantapan sosial, nilai-nilai moral, kekuatan intelektual dan keutuhan budaya perlu juga diambilkira dan diberi perhatian yang wajar. dengan itu, walaupun kerajaan bermatlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pembangunan malaysia supaya seiring dengan negara maju yang lain, namun kerajaan tetap mengambilkira keperluan untuk keseimbangan dan keharmonian dalam mewujudkan pembangunan yang mapan. hakikat ini jelas dilihat dalam peruntukan yang diberi kepada sektor sosial, terutamanya golongan tertentu seperti wanita, kanak-kanak, warga emas, orang kurang-upaya dan juga orang asli, di dalam bajet 2006 yang telah diumumkan semalam. Ternyata usaha untuk membina masyarakat yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial bukanlah satu usaha yang mudah. ia melibatkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai dasar, program dan aktiviti. ia juga memerlukan pendekatan yang menyeluruh, kreatif dan berkesan.

## **1.2 Tujuan Dasar Sosial Negara dalam pembangunan sosio-ekonomi**

Sejak pada tahun 2003, kerajaan telah melancarkan "dasar sosial negara". dasar ini merupakan dasar payung yang merangkumi semua dasar, program dan aktiviti pembangunan sosial serta menjelaskan falsafah di sebalik pembangunan sosial di malaysia. dasar sosial negara bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi; di mana setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri masing-masing di dalam persekitaran sosial yang sihat dan berdasarkan ciri-ciri bersatu-padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama. dengan itu, dasar tersebut memberi halatuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial negara, dan menjadi salah satu strategi utama kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan mapan.

Demi memastikan pembangunan sosial yang mapan serta kualiti program yang dijalankan, saya berpendapat pelaksanaan dasar sosial negara haruslah dipantau secara berterusan. saya berharap institut sosial malaysia dapat memainkan peranan yang penting ini demi memastikan bahawa program dan aktiviti pembangunan sosial yang dijalankan kekal relevan dan berkesan.

Bagi melaksanakan aktiviti pemantauan dengan berkesan, satu sistem penilaian dan pengawasan perlu dirangka. sebagai contoh, sebelum sesuatu program atau projek pembangunan dilaksanakan, satu penilaian dari segi implikasi kos sosial patut dijalankan. dengan adanya sistem penilaian ini, hasil penemuan tersebut dapat digunakan sebagai alat perancangan (*planning tool*) serta alat membuat keputusan (*decision tool*) yang berkesan.

Pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam menjalankan satu kajian perintis penilaian impak sosial atau "social impact assessment" ke atas empat projek pembangunan di negara ini. kajian selama lapan bulan ini telah dijalankan oleh kementerian pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dengan kerjasama "united nations development programme" (u.n.d.p.). penilaian impak sosial melibatkan aspek

unjuran atau "forecasting" sebarang perubahan ke atas persekitaran serta impak terhadap individu, komuniti dan institusi disekelilingnya. kerajaan sedang mempertimbangkan sama ada penilaian impak sosial ini akan dijalankan bagi semua projek pembangunan yang dianggap penting atau kritikal. oleh itu, saya ingin meminta kementerian wanita, keluarga dan masyarakat untuk membuat "*feasibility study*" bagi menentukan kesan pelaksanaan penilaian impak sosial tersebut dan mengemukakan laporan tersebut kepada jemaah menteri untuk pertimbangan.

Walaupun kerajaan merupakan agen penting dalam menangani masalah sosial negara, namun mustahil bagi pihak kerajaan untuk memikul beban tersebut tanpa bantuan dan kerjasama pihak-pihak yang lain. sehubungan itu, saya mengesyorkan agar kerjasama antara pihak kementerian serta agensi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (n.g.o.) diperluaskan dan semangat kesukarelaan dipertingkatkan lagi. pihak kerajaan akan sentiasa memberi sokongan kepada n.g.o. dalam menjalankan aktiviti yang meningkatkan kesejahteraan keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan golongan lain yang memerlukan sokongan. begitu juga dengan kerjasama di antara sektor awam dengan sektor swasta. kerjasama ini amat diperlukan untuk mewujudkan satu sinergi dalam masyarakat untuk tujuan menjamin perkhidmatan sosial yang terbaik bagi semua anggota masyarakat. inilah asas kepada konsep "pembangunan sosial tanggungjawab bersama".

### 1.3 Pembangunan sosio-ekonomi berdasarkan Index Kualiti Hidup

Kesejahteraan sosial itu boleh dinilai berdasarkan kepada indeks kualiti hidup yang terdiri daripada beberapa komponen seperti yang terdapat dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia

<b>Pendapatan &amp; Pengagihan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan Per Kapita Sebenar</li> <li>• Pekali Gini</li> <li>• Kadar Kemiskinan</li> </ul>
<b>Persekitaran Kerja</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar Pengangguran</li> <li>• Pertikaian Perusahaan</li> <li>• Kehilangan Hari Bekerja Kerana Tindakan Perusahaan</li> <li>• Kadar Kemalangan Perusahaan</li> </ul>

<b>Pengangkutan &amp; Komunikasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kereta &amp; Motosikal Persendirian</li> <li>• Kenderaan Perdagangan</li> <li>• Indeks Pembangunan Jalan Raya</li> <li>• Telefon</li> <li>• Edaran Purata Akhbar Harian</li> </ul>
<b>Kesihatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jangka Hayat Semasa Lahir Bagi Lelaki</li> <li>• Jangka Hayat Semasa Lahir Bagi Perempuan</li> <li>• Kadar Kematian Bayi</li> <li>• Nisbah Doktor-Penduduk</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar Celik Huruf</li> <li>• Kadar Penyertaan Prasekolah</li> <li>• Kadar Penyertaan Sekolah Menengah</li> <li>• Kadar Penyertaan Universiti</li> <li>• Nisbah Guru-Pelajar Sekolah Rendah</li> <li>• Nisbah Guru-Pelajar Sekolah Menengah</li> </ul>
<b>Perumahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Purata Harga Rumah Kos Sederhana</li> <li>• Unit Rumah Kos Rendah</li> <li>• Unit Rumah Dengan Bekalan Air Paip</li> <li>• Unit Rumah Dengan Bekalan Elektrik</li> </ul>
<b>Alam Sekitar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kualiti Udara</li> <li>• Kualiti Air</li> <li>• Kawasan Berhutan</li> </ul>
<b>Kehidupan Keluarga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perceraian</li> <li>• Kadar Kelahiran Kasar</li> <li>• Saiz Isi Rumah</li> <li>• Jenayah Juvana</li> </ul>
<b>Penyertaan Sosial</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengundi Berdaftar</li> <li>• Keahlian Pertubuhan Bukan Bermotif Keuntungan yang Berdaftar</li> <li>• Persatuan Penduduk Berdaftar</li> </ul>
<b>Keselamatan Awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenayah</li> <li>• Kemalangan Jalan Raya</li> </ul>
<b>Kebudayaan &amp; Liburan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keahlian Perpustakaan Awam</li> <li>• Penonton Televisyen</li> <li>• Penginap Hotel Domestik</li> </ul>

Sumber: Kualiti Hidup Malaysia 2002, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Kualiti hidup ini adalah merupakan asas kepada kepada keperluan untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat Negara kerana sebuah masyarakat yang mempunyai suasana kehidupan yang lebih baik akan menunjukkan kualiti hidup yang lebih baik dan berdaya maju. Kualiti hidup yang lebih baik pula perlu selari dengan pembangunan ekonomi dan kemajuan sains dan teknologi yang mesra manusia dan bermotifkan kesejahteraan rakyat. Pembangunan yang selari dan seimbang dengan

peningkatan kualiti hidup akan mampu untuk membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan mengikut acuan sendiri seperti yang disebut di dalam Wawasan 2020. Negara maju yang dinyatakan di dalam Wawasan 2020 ialah “sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan” (Mahathir 1991:2)

Walaupun bagaimanapun isu-isu seperti gejala sosial, jenayah dan kemalangan sedikit sebanyak memberikan impak dan kesan negatif ke atas kesejahteraan sosial seseorang itu dan juga negara dari aspek pertumbuhan psikologikal, fizikal, ekonomi dan pembangunan. Justeru itu, kerajaan telah mengarahkan agar setiap projek pembangunan yang dilaksanakan di Malaysia harus menyediakan kajian terhadap kesan sosial terhadap masyarakat setempat bagi membendung isu-isu gejala sosial dan jenayah dari meningkat.

Menyedari keseriusan akan masalah-masalah yang timbul akibat dari isu-isu sosial tersebut pelbagai langkah-langkah yang dirasakan wajar telah diambil untuk membendung gejala ini antaranya seperti penggubalan Dasar Sosial Negara (DSN) dan juga di dalam Rancangan Malaysia. Dasar Sosial Negara (DSN) yang merupakan satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap telah dilancarkan secara rasminya pada tahun 2003. Di bawah DSN ini satu badan yang dikenali sebagai Institut Sosial Malaysia (ISM) telah ditubuhkan sebagai landasan untuk menggandakan usaha membendung gejala sosial.

Melalui penggubalan DSN dan punubuhan ISM diharapkan akan memberi hala tuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial tersebut dan seharusnya pelaksanaannya dipantau dan diperkukuhkan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pencapaian pembangunan dan kesejahteraan sosial negara. Objektif

penubuhan dasar ini terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus dimana objektif umum adalah untuk menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan. Manakala terdapat empat objektif khusus yang saling melengkapi di dalam DSN iaitu:

- i. Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi;
- ii. Membangun dan memperkasakan insane sepanjang hayat;
- iii. Memperkukuh dan membangunkan system sokongan sosial dan perkhidmatan sosial; dan
- iv. Menjana sinergi multisektor

Setiap objektif khusus tersebut mempunyai strategi-strategi yang telah digariskan bagi mencapai setiap objektif tersebut.

Manakala di dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) juga ada dibincangkan mengenai isu-isu berkaitan pembangunan dalam usaha kerajaan Malaysia untuk mencapai kesejahteraan sosisal di bawah Teras Ke-4: Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup. Terdapat 6 bab yang membincangkan dan menerangkan tentang rancangan kerajaan dalam meningkat kualiti hidup rakyat Malaysia.

Pada bahagian pertama atau bab ke-18 di dalam teras keempat RMK-9 ini lebih menjurus kepada mempertingkatkan infrastruktur, kemudahan awam dan pengangkutan bandar dimana tumpuan kepada peningkatan liputan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menyokong aktiviti ekonomi. Setiap projek yang dilaksanakan juga akan mengambil kira aspek alam sekitar dalam memastikan pembangunan mampan.

Dalam tempoh perlaksanaan RMK-8, sejumlah RM 38.7 billion telah dibelanjakan untuk meningkatkan keupayaan serta menaik taraf dan membaik pulih rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam bagi memenuhi pertambahan permintaan dan peningkatan kualiti perkhidmatan supaya setanding dengan negara maju yang lain. Walaubagaimanapun

dalam RMK-9 ini RM46.8 billion telah diperuntukkan bagi melaksanakan prospek kerajaan yang lebih kepada penumpuan kepada peningkatan kualiti sedia ada disamping meluaskan rangkaian ke kawasan yang kurang membangun agar pembangunan dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat di Malaysia.

#### 1.4 Pembangunan sosio-ekonomi dan Perbelanjaan Rancangan Malaysia Ke 9

Jadual 2: Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi  
Infrastruktur dan Kemudahan Awam, 2001-2010  
(RM juta)

<i>Sektor</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
<b>Pengangkutan</b>	<b>30,936.5</b>	<b>30,304.4</b>
Jalan Raya	18,451.4	17,303.1
Pengangkutan Bandar	706.6	1,565.5
Kereta Api	5,270.1	3,634.9
Pelabuhan	2,443.0	1,290.0
Lapangan Terbang	1779.3	2868.5
Jalan Luar Bandar <sup>1</sup>	2286.1	3642.4
<b>Kemudahan Awam</b>	<b>7752.7</b>	<b>16540.5</b>
Bekalan Air	3882.9	8203.6
Pembetulan	1347.9	3132.8
Bekalan Air Luar Bandar	733.9	1206.5
Tebatan Banjir	1788.0	3997.6
<b>Jumlah</b>	<b>38,689.2</b>	<b>46,844.9</b>

*Sumber:* Unit Perancang Ekonomi

*Nota:* <sup>1</sup> Termasuk jalan kampung.

Bahagian kedua dalam teras ini memfokus kepada pembangunan tenaga mampan bagi memastikan bekalan bagi sektor tenaga dan bahan api di Malaysia terjamin, andal dan berkesan kos untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi. Oleh itu, pelbagai strategi telah disenaraikan bagi menyelaraskannya dengan teras Misi Nasional untuk



meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, penekanan akan diberikan kepada pengeluaran dan penggunaan tenaga yang cekap di samping memenuhi objektif pemeliharaan alam sekitar.

Antara strategi yang disenaraikan yang dirasakan paling penting dalam tempoh pelaksanaan Rancangan ini adalah seperti meningkatkan produktiviti dan kecekapan pembekal tenaga dan menggalakkan pendekatan berasaskan pasaran dalam penetapan harga tenaga, mengurangkan kebergantungan yang tinggi ke atas produk petroleum dengan meningkatkan penggunaan bahan api alternatif dan menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi penjanaan elektrik dan oleh industri.

Ini adalah berikutan dengan keadaan semasa harga minyak mentah dunia pada masa ini yang melambung tinggi dan tidak stabil telah membawa kepada kenaikan harga minyak di Malaysia yang dirasakan membebankan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah memandangkan kesannya terhadap kenaikan harga barangan dan perkhidmatan lain. Kenaikan harga minyak yang membawa kepada kenaikan harga barangan juga telah membawa kepada kenaikan kadar inflasi di Malaysia. Masalah-masalah ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap kualiti hidup dan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia.

Antara lain perkara-pekerja yang terdapat di dalam teras keempat RMK-9 adalah rancangan kerajaan untuk meningkatkan taraf kesihatan, menggalakkan penjagaan alam sekitar, menyediakan perumahan dan perkhidmatan Bandar yang berkualiti, memperkayakan kebudayaan, kesenian dan warisan disamping membangunkan budaya kesukanan. Kesemua aspek tersebut diambil kira oleh pihak kerajaan dalam usaha memberikan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

### **1.5 Pusat Rujukan Sosial Dan Strategi Pengukuhan Sosial**

- Pusat Rujukan Sosial ( PRS) adalah salah satu mekanisme yang diwujudkan di peringkat komuniti bagi mencapai Dasar Sosial Negara (DSN). Ianya

berkonsepkan pelbagai disiplin dan sektorial di mana pelbagai perkhidmatan dan sub-sistem PINTAS dapat dilaksanakan.

- PRS merupakan satu pusat perkhidmatan bagi masyarakat setempat memperoleh dengan mudah dan segera maklumat dan nasihat mengenai perkhidmatan kerajaan dan bukan kerajaan.
- PRS juga menyediakan ruang dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan untuk perjumpaan dan perbincangan bersemuka serta tempat jaringan atau networking antara agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pemimpin masyarakat tempatan dan memantau pembangunan sosial setempat.
- PRS bertujuan mencapai objektif Dasar Sosial Negara, iaitu menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

### **Pengendalian Pusat Rujukan Sosial**

- PRS boleh dikendalikan oleh mana-mana agensi di mana-mana premis bergantung kepada kesesuaian ruang dan lokasi. Agensi berkenaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi pengendalian PRS berkenaan.
- Pengemaskinian Portal PRS dan pangkalan data akan diuruskan oleh Sekretariat PINTAS bagi menjamin konsistensi.
- Agensi yang mengendalikan PRS boleh menggunakan mekanisme yang sedia ada bagi menggerakkan program aktiviti PRS dengan dibantu oleh Ketua Pejabat di mana PRS ditempatkan. Sebagai contoh, Jabatan Perpaduan Negara yang menempatkan PRSnya di Pusat Aktiviti Perpaduan dan Pusat Rukun Tetangga akan menggunakan Jawatankuasa Rukun Tetangga yang sedia ada bagi merancang dan melaksanakan program dan aktiviti PRS dengan dibantu oleh Pegawai Perpaduan Daerah berkenaan.
- Semua program dan aktiviti PRS serta keberkesanannya perlu dilaporkan setiap bulan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah selaku Sekretariat PINTAS peringkat daerah.

- Pasukan Pembimbing dan Pakar Rujuk Daerah, Kaunselor boleh menggunakan premis PRS bagi mengadakan sesi kaunseling dan juga mengadakan konferensi kes serta sesi-sesi perbincangan.
- PRS boleh digunakan oleh agensi-agensi kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti secara bersepadu bagi tujuan pembangunan sosial serta menangani gejala sosial yang sedia ada.

### **Fungsi PRS**

- Pusat Pangkalan Data
- Pusat Layanan Awal
- Pusat Maklumat
- Pusat Kaunseling/Mediasi
- Pusat Pertemuan dan Perbincangan
- Pusat Pembangunan Komuniti

### **Pusat Pangkalan Data**

Sebagai pusat pangkalan data, PRS akan:

- Mengumpul dan mengemaskinikan maklumat asas mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi sosial kerajaan dan bukan kerajaan.
- Menguruskan khidmat e-buletin untuk memaklumkan penduduk tempatan tentang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh agensi-agensi sosial kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan di peringkat daerah.
- Mengurus senarai kumpulan pembimbing dan kumpulan sokongan di peringkat daerah.

### **Pusat Layanan Awal**

Sebagai pusat layanan awal, PRS akan:

- Menggunakan pangkalan data ntuk memberi maklumat dan/atau nasihat awal kepada penduduk tempatan yang datang ke PRS dengan masalah, keraguan atau pertanyaan.
- Merujuk kes kepada agensi atau badan bukan kerajaan sekiranya maklumat/nasihat yang diminta tidak dapat diberi di peringkat PRS.

### **Pusat Maklumat**

Sebagai Pusat Maklumat PRS akan:

- Menyediakan risalah, buku panduan, borang permohonan (yang percuma) dan sebagainya mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sosial kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.
- Mengakses laman web agensi-agensi kerajaan sosial kerajaan dan badan-badan buka kerajaan jika maklumat tambahan diperlukan oleh penduduk setempat.
- Merujuk kes kepada agensi sosial atau badan bukan kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan borang, risalah atau maklumat tambahan.

### **Pusat Kaunseling/ Mediasi**

Sebagai pusat kaunseling dan mediasi, PRS akan:

- Menyediakan kemudahan (bilik kaunseling dan peralatan) bagi perkhidmatan kaunseling, bimbingan dan mediasi bagi membantu mereka yang menghadapi masalah.
- Merujuk kepada separa kaunselor sekiranya perlu.
- Memberi perkhidmatan kaunseling awal.

- Merujuk kepada kaunselor bertaulia mereka yang belum dapat menyelesaikan masalah.
- Mengenalpasti perantara yang dapat membantu pihak yang bertelagah untuk mencapai penyelesaian melalui mediasi.
- Mengambil tindakan di dalam keadaan krisis bagi mengelakkan keadaan daripada menjadi lebih kritikal.

### **Pusat Pertemuan dan Perbincangan**

Sebagai pusat pertemuan dan perbincangan, PRS akan:

- Menyediakan kemudahan (bilik dan peralatan) bagi perbincangan sesama dan di antara agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pembimbing-pembimbing dan sebagainya.
- Membantu dalam mengatur perbincangan bersama mengenai masalah-masalah sosial semasa serta perkembangan-perkembangan dalam persekitaran setempat yang mungkin akan menjadi masalah sosial nanti
- Bekerjasama dengan Kumpulan Pembimbing untuk mengadakan konferensi di kalangan pembimbing.

### **Pusat Pembangunan Komuniti**

Sebagai pusat pembangunan komuniti, PRS akan:


- Menyediakan kemudahan bagi agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sektor awam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan komuniti seperti latihan kemahiran, keagamaan dan kesedaran mengikut kehendak dan keperluan masyarakat setempat.
- Memantau kesan program dan aktiviti yang dilaksanakan.

## **Faedah Pelaksanaan**

Dalam usaha ke arah pembagunan yang seimbang melalui pelaksanaan DSN, pewujudan PRS akan dapat membantu dan memberi beberapa faedah kepada masyarakat khususnya dalam perkara-perkara berikut:

- a. Masyarakat akan mendapat maklumat asas di peringkat Komuniti.
- b. Masyarakat akan mendapat akses kepada perkhidmatan daripada pelbagai pihak dengan lebih mudah dan cepat.
- c. Agensi-agensi kerajaan akan dapat menyampaikan perkhidmatan mereka dengan mudah.
- d. Isu-isu sosial dapat dibincang dan diselesaikan dengan cepat dalam forum secara berkala dengan melibatkan semua agensi kerajaan dalam sektor sosial dan masyarakat tempatan.
- e. Kemudahan-kemudahan yang disediakan akan dapat digunakan secara lebih optimum.
- f. Program pembangunan sosial di peringkat akar umbi dapat diselaraskan secara lebih berkesan

**Rajah 1: Sistem Pengurusan Pintas**



Untuk keterangan lanjut sila hubungi PRS berhampiran atau hubungi:

- Lima sub-sistem di dalam setiap pendekatan.
- Sub-sistem merupakan kaedah dan strategi bagi pemahaman dan pelaksanaan pendekatan.

**Urusetia PINTAS, Bahagian Pengembangan dan Pembangunan PINTAS**

**Kementerian Perpaduan Negara dan pembangunan Masyarakat**

**Tel: 03-2698 2106 / 03- 2698 2108 / 03-26982007/ 03-26982432**

**Faks: 03-2698 2228**

Atau;

**Urusetia Majlis Sosial Negara**

**Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

**Tingkat 19-21, Wisma Bumi Raya, Jalan Raja Laut,**

**50562 KUALA LUMPUR**

**[www.kempadu.gov.my](http://www.kempadu.gov.my)**

## Jentera Pelaksanaan Dasar Sosial Negara





## Contoh Kajian Kes dan cara Menganalisis data

### Refleksi Ke Atas Kesejahteraan Sosial.

NUR HIDAYAH BT SHAHUDIN- 13 Mach 2008. Perak.

Daripada sembilan cabaran [wawasan 2020](#), saya telah memilih untuk membincangkan isu tenteram dan maju dalam masyarakat, dengan keyakinan akan keupayaan diri sendiri, berbangga dengan kejayaan dan tabah menghadapi masaalah. Dalam membincangkan isu ini, saya telah [menemubual ayah saya En. Shahudin Bin Hj. Ton iaitu bekas anggota polis](#) yang sentiasa bergaul dan menyelesaikan masalah masyarakat demi kemakmuran dan kesejahteraan sosial. Saya tertarik untuk membincangkan isu ini kerana [saya berkeinginan untuk bersama-sama rakyat Malaysia berganding bahu untuk menjayakan cita-cita negara](#) menghadapi cabaran yang dibincangkan ini. [Saya kurang faham apabila ayah menyebut ...pada harta kita ada hak untuk orang miskin...Sebenarnya saya faham tetapi saya terpancan dengan dogma yang tersimpan dalam fikiran saya selama ini yang mengangap bahawa jutawan adalah individu yang terkuat di dalam masyarakat dan mereka berhak untuk mendapat keistimewaan!](#)

Ayah saya membuka kitab suci al-Quran, Surah Adh-Dhariyat :19 yang tercatat ....Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta),..... dia menasihatkan saya supaya selalu merujuk al-Quran apabila membincangkan sesuatu supaya mendapat kesejahteraan dalam berfikir dan meletakkan kepercayaan kepada jalan yang benar. Mengapa negara yang kaya raya membiarkan rakyatnya tidur di jalan-jalan dan bawah jambatan? Agihan kekayaan di negara itu tidak seimbang, dan kalau ada Yayasan-Yayasan yang cuba memberi bantuan, mereka tidak terdaya kerana

Analisis Kandungan Rencana menggunakan teknik *Content Analysis* (Straus & Corbin 1991)

#### Pandangan Pensyarah

Isu yang dibawa adalah wawasan 2020. Fokusnya terhadap tenteram dan maju dalam negara membangun.

#### Communication Skills- teknik interview

Menemubual ayah sendiri iaitu seorang pegawai polis yang sentiasa bergaul dan menyelesaikan masalah masyarakat demi mencapai kesejahteraan sosial.

#### Critical Thinking and Problem Solving

Beliau berpandangan positif dan berupaya untuk membuat banding beza terhadap fakta yang ada pada dirinya dan orang lain. Mampu memberi pandangan peribadi yang bertentangan.

Beliau mengambil ayat al-Quran sebagai bandingan dalam mencari kebenaran fakta dalam berfikir dan menyelesaikan masalah.

yang memerlukan bantuan terlalu ramai. Apalagi dalam keadaan harga minyak yang sentiasa naik dan inflasi yang kian memamah kesejahteraan masyarakat kota dan desa. Ada juga di antara Yayasan-Yayasan tadi cuma manipulasi bayang-bayang kapitalis yang hidup dari kesusahan orang lain. Banyak yang ayah saya katakan tentang kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial yang membuatkan saya tersedar bagaimana mengisi kesejahteraan sosial. Pasti kesejahteraan itu bukan bersandar kepada materialis tetapi makna yang dibawa oleh materialis itu kepada manusia dan pembangunan di sekitarnya.

Adakah bebas itu sejahtera? Isu ini jelas menunjukkan tentang pegangan atau prinsip hidup saya iaitu berjihad bebas dengan tidak melanggar batas-batas kemanusiaan dan lunas-lunas agama. Saya telah meminta pendapat dari ayah saya tentang isu ini. Beliau menyatakan sekiranya kebebasan yang bertunjangkan batas-batas kemanusiaan dan lunas-lunas agama dipatuhi negara akan menjadi aman dan tenteram. Bagi saya untuk mencapai sebuah negara yang maju, masyarakat mestilah menimba ilmu dunia dan akhirat setinggi mana yang termampu kerana dengan ilmu akan mendorong seseorang itu berfikir jauh lalu bertekad untuk maju. Contohnya dalam bidang sains dan teknologi, jurutera adalah pereka kesejahteraan. Sebab itu ciptaan dan inovasi jurutera mendapat perhatian orang ramai.

Beliau m, enambah lagi dengan menyatakan bahawa seseorang rakyat Malaysia perlu menuntut ilmu bukan sekadar untuk bekerja tetapi mesti berkeinginan untuk mencipta sesuatu yang baru dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dunia demi mencapai darjah kesejahteraan. Untuk menjayakan cabaran ini, rakyat Malaysia haruslah mempunyai sikap jati diri, tidak putus asa ketika gagal dan sentiasa ingin mencuba. Di samping itu, keyakinan pada diri sendiri dan tabah menghadapi masalah

CTPS- sudut positif Berupaya membuat penilaian dan memberi takkulan yang mendalam terhadap perkara yang dibincangkan.

Kesedaran baru yang ada/ ES

Pelajar sedar bahawa tanggung jawab ke arah kesejahteraan sosial bukan dalam Negara yang sedang membangun seperti Malaysia adalah tanggung jawab semua.

Pelajar telah menunjukkan bukti bahawa pendidikan di Malaysia telah membantu beliau mengenal ilmu dunia dan ilmu akhirat dalam kebebasannya mencari kesejahteraan.

Contoh yang diberi dalam bidang kejuruteraan dapat menjelaskan hubungan yang tersembunyi antara pencipta abadi dan pereka material.

Ini adalah bukti kurikulum di Malaysia berjaya melahirkan insan sejahtera yang memberi kesejahteraan kepada orang lain.

perlu ada pada setiap warga Malaysia. Pada hari ini negara Malaysia dan seluruh dunia mengalami kegawatan ekonomi yang teruk hasil dari kenaikan harga minyak hingga 48%. Ketika kegawatan ekonomi ini, pemimpin negara, ibu bapa dan masyarakat tetap mempunyai keyakinan terhadap daya juang keluarga dalam memenuhi kesejahteraan dan ketenteraman negara. Alangkah bahagianya keluarga jika kesejahteraan tidak terpaku kepada indahny benda-benda di sekitar kita. Saya sedar bukan mudah untuk melihat sejahtera dalam pembangunan materialis kerana sejahtera itu bukan benda tetapi bagaimana kita sendiri memberi makna kepada benda-benda yang kita ada. Sejahtera juga boleh berada di mana-mana dan kuasa kesejahteraan jiwa adalah ultimate pembangunan. Sebab itulah jurutera selalu berkata, kejuruteraan adalah sains yang digunakan untuk menambah kesejahteraan manusia. Ya! Sayalah tu.....Maka **di sini saya sedar bahawa**, betapa pentingnya saya berkeyakinan akan keupayaan diri sendiri dan tabah menghadapi cabaran 2020. Saya sentiasa bersyukur dan berbangga dengan kepimpinan yang ada dan berjanji untuk menjaga kesejahteraan yang sedia ada.

**Tiga cadangan** yang saya sendiri boleh lakukan untuk memperbaiki keadaan yang saya inginkan ialah saya akan bertanggungjawab bersama-sama untuk menjaga keamanan negara. Saya akan bersikap positif untuk memperolehi sebuah negara yang maju. Akhir sekali, saya akan belajar bertolak-ansur apabila menghadapi sesuatu ketegangan didalam masyarakat. **Tiga tindakan segera** yang anda boleh lakukan di peringkat diri dan keluarga ialah apabila saya belajar, saya akan mempraktikkanya di dalam kehidupan harian saya supaya saya mencapai kemajuan di dalam diri. Saya juga akan cuba pastikan keluarga saya sentiasa bersikap positif menghadapi kehidupan harian. Tindakan terakhir, saya dan

**Kesedaran baru yang ada/ ES**

bukan mudah untuk melihat sejahtera dalam pembangunan materialis kerana sejahtera itu bukan benda tetapi bagaimana kita sendiri memberi makna kepada benda-benda yang kita ada.

Yakin boleh, bersyukur,

Tiga cadangan  
**Solving the problem**  
Bersikap positif  
Bertolak ansur

**AKAMODASI Berlaku**

Tiga Tindakan  
Perubahan tingkah laku  
Selepas proses HE  
**Immidiata Action to be taken-LS/LL**

**Self-action oriented-SCL-**

**Whole-heartedness-eagernes**

keluarga akan bersama-sama memajukan struktur keluarga seterusnya bersama-sama pemimpin memajukan negara.

### **Kajian Kes Kesejahteraan Sosial**

Satu kajian kes telah dibuat pada pertengahan tahun 2008 bagi mendapat data terbaharu terhadap apa yang telah diusahakan oleh beberapa kerajaan negeri di Malaysia dalam membantu penduduk pedalaman mengecap makna kemajuan dan kesejahteraan sosial selama 50 tahun negara Malaysia merdeka. Sabah merupakan negeri yang sedang berkembang pesat pada ketika ini dan hal yang demikian membuatkan salah seorang pengkaji penduduk tempatan yang terdiri dari pelajar IPTA dalam bidang kejuruteraan telah berusaha tinggal bersama Ahli Jawatan Kuasa Kampung bagi membuat pemerhatian, temuramah, mengambil bukti-bukti pembangunan dan kesejahteraan sosial. Catatan refleksi mereka dan gambar-gambar yang telah diambil disertakan dalam rencana di bawah ini.

---

---

Sabah merupakan negeri paling indah bagi saya (Jack Norris). Sebagai bakal engineer di satu hari nanti, saya selalu memerhatikan kerja-kerja dan aktiviti penduduk kampung saya. Satu kajian telah saya susun dan laksanakan bagi mendapatkan input secara formal. Saya sedar bahawa JKKK merupakan badan perantaraan di antara kerajaan dan penduduk kampung. Setiap JKKK mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam kemajuan dan keselamatan kampung. Oleh yang demikian, setiap permasalahan dan kemajuan sesebuah kampung adalah berdasarkan keprihatinan dan kepekaan JKKK kampung. Sehubungan dengan itu, saya telah menemubual JKKK di tempat saya melalui panggilan telefon dan mendapatkan beberapa maklumat berkaitan dengan kemajuan-kemajuan yang telah dilakukan. Beliau ialah Alexander Gombot (45 tahun) dan bekerja sebagai seorang guru Penolong Hal Ehwal Murid di SK. Sodomon selaku JKKK di Kg. Marasak, Keningau. Beliau mula berkhidmat sebagai JKKK di Kg. Marasak Keningau sejak awal 2001 dan telah memohon berbagai-bagai projek untuk kemajuan kampung Marasak.

Kampung Marasak merupakan sebuah perkampungan yang terletak di kawasan pedalaman Keningau Sabah, iaitu 19KM dari kawasan Bandar Keningau. Jumlah

penduduk di Kg Marasak adalah lebih kurang 300 orang penduduk, kebanyakannya tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menjalankan aktiviti pertanian seperti menanam padi sawah atas tanah sendiri dan menorah getah. Secara tidak langsung, beliau telah melihat ke hadapan dan telah menyedari betapa pentingnya menyediakan pendidikan untuk anak-anak bagi mengubah nasib sesebuah keluarga. Sehubungan dengan itu, beliau telah berusaha untuk memohon projek pembinaan Perpustakaan Desa bagi kemudahan pelajar-pelajar sekolah di KG Marasak dan telah berjaya disiapkan pada Mei 2007.



#### **Perpustakaan Desa Marasak**

- Siap dibina pada 18/05/2007 Sumbangan Perbadanan Pinjaman Sabah.
- Menyediakan kemudahan buku-buku rujukan dan tempat belajar yang selesa.

beberapa projek lain yang telah berjaya dilaksanakan untuk kemudahan penduduk kampung. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan ialah pelebaran jalan kampung menuju ke kawasan Bandar dan baik pulih balai masyarakat kampung. Demi keselamatan penduduk kampung pada waktu malam, pemasangan lampu-lampu jalan raya telah dilakukan dan sungai dilebarkan untuk mengelakkan daripada air melimpah keluar semasa banjir.



### **Balai Raya Kg.Marasak**

- Projek Kerajaan Negeri.
- Balai Raya selepas dibaiki.
- Tempat penduduk kampung menjalankan aktiviti-aktiviti seperti Pesta Menuai Padi(Pesta Kaamatan), mesyuarat dan lain-lain.



### **Projek Lampu Jalan Kampung**

- Siap pada tahun 2006.
- Pemasangan lampu-lampu jalan di sepanjang jalan raya memudahkan penduduk jalan pada waktu malam.

Selain daripada itu, jalan raya mengelilingi kampung dibina untuk kemudahan penduduk yang berada di tengah-tengah kampung. Jalan raya ini bertujuan untuk menghubungkan kawasan-kawasan kampung yang yang tidak dapat dihubungkan dengan kenderaan. Oleh itu, projek pembinaan ini telah berjaya disiapkan pada 16/02/2008 dibawah Projek Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, Jambatan kayu juga dibina untuk menggantikan jambatan yang telah rosak akibat banjir kilat. Jambatan ini juga berfungsi menghubungkan kawasan kampung yang berada di seberang sungai dan menjadi jalan utama penduduk kampung menjalankan aktiviti harian. Oleh itu, projek ini sedikit sebanyak dapat membantu kehidupan harian penduduk kampung terutamanya dari segi infrastruktur jalan raya.



#### **Jalan Raya mengelilingi Kg. Marasak**

- Siap dibina pada 16/02/2008 Projek Kerajaan Persekutuan.
- Menghubungkan kawasan kampung yang tidak dapat dihubungkan dengan kenderaan.

#### **Jambatan kayu**

- Projek persekutuan siap pada tahun 2007.
- Menghubungkan kawasan kampung yang berada di seberang sungai dan menjadi jalan utama penduduk menjalankan aktiviti harian.

Saya amat tertarik dengan komitmen yang ditunjukkan oleh beliau dalam melaksanakan kemajuan kampung di tempat saya. Saya telah bertanya mengenai masalah-masalah yang pernah dihadapi oleh beliau sepanjang menjawat jawatan JKKK, dan beliau telah menyatakan proses pelaksanaan sesuatu projek adalah memakan masa yang lama dan beliau terpaksa berulang-alik ke pejabat kerajaan di Bandar Keningau yang memakan masa perjalanan lebih kurang sejam. Walaupun bertugas sebagai guru di sekolah rendah namun beliau masih dapat menjalankan tugasnya sebagai JKKK bagi memajukan kawasan Kg. Marasak.

Sementara waktu ini, beliau sedang menulis kertas kerja untuk membuat permohonan baru yang akan dilaksanakan di Kg. Marasak. Antaranya ialah bekalan paip graviti dan tangki air bagi setiap keluarga, memohon peruntukan untuk pagar padang ragut, dan pembinaan dewan serbaguna bagi kemudahan orang kampung. Beliau juga mempunyai harapan untuk memajukan kampung pada masa akan datang dari segi ekonomi dan pendidikan di Kg. Marasak. Ini kerana, ekonomi di Kg. Marasak adalah

berasaskan pertanian dan perlu diberi bantuan subsidi. Menurut beliau juga, setiap penduduk di Kg. Marasak haruslah berusaha untuk meningkatkan ekonomi keluarga agar dapat menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang dan tidak bergantung kepada bantuan semata-mata.

Setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza mengenai peranan dan tanggungjawab seseorang dalam melaksanakan pembangunan di sesebuah kawasan seperti JKKK. Pada pendapat saya, dalam era permodenan sekarang setiap orang harus memajukan diri dalam bidang pendidikan agar tidak ketinggalan jauh ke hadapan. Walaupun menghadapi berbagai-bagai cabaran, namun sebagai mahasiswa dan mahasiswi kita perlu mempunyai jati diri dan ilmu pengetahuan yang cukup. Ini kerana, Malaysia sedang berusaha untuk meningkatkan ekonomi Negara dan kita tidak harus melepaskan peluang keemasan ini untuk turut terlibat dalam menjana ekonomi Negara. Di samping itu, kita juga perlu melibatkan diri dalam apa jua dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyahut cabaran sebagai peneraju dan pemimpin pada masa akan datang.

Setelah menemubual JKKK di tempat saya, apa yang saya dapati ialah kita haruslah sentiasa peka terhadap perkembangan semasa terutamanya dalam pembangunan ekonomi negara. Kita haruslah sentiasa berusaha untuk kemajuan sesebuah Negara, keluarga dan diri sendiri demi kejayaan dan masa depan yang cemerlang. Selain daripada itu, sebagai wakil rakyat haruslah sentiasa mendengar dan peka terhadap isu-isu semasa untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Di samping itu penduduk juga haruslah sentiasa mengamalkan sikap berkerjasama dan tidak mementingkan diri sendiri. Selain daripada itu, amalan bergotong-royong perlu sentiasa diamalkan demi keselamatan dan kesejahteraan kawasan kampung.

Kesimpulannya, sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai peranan penting dalam aset pembangunan Negara, saya akan cuba berusaha untuk memastikan setiap penduduk di tempat saya dibela dan diberi perhatian yang sewajarnya. Selain daripada itu, saya akan menggunakan ilmu pengetahuan yang ada dalam diri saya untuk mendorong muda-mudi di tempat saya untuk memajukan diri terutamanya dalam bidang ilmu pengetahuan dan ekonomi. Dengan itu, mereka mempunyai kesedaran dan mempunyai hala tuju masing-masing dalam memastikan setiap peluang yang ada akan



digunakan dengan sebaik mungkin terutamanya dalam menimba ilmu untuk memajukan Negara, keluarga dan diri sendiri.

**Alexander Gombot**

**Biodata diri JKKK Kg. Marasak :**

**Lahir pada 08 Julai 1965**

**Pendidikan :**


- SK.Sodomon : 1972-1977 ( Darjah 1 hingga 6 )
- SM.Ken Hwa Keningau : 1978-1982 ( Ting. 1 hingga Ting. 5 )
- SMK. Gunsanad Keningau : 1983-1984 ( Ting. 6 bawah hingga 6 Atas )
- Masuk Maktab Perguruan Keningau : 1988-1990 ( Jurusan Pengajian Melayu Sejarah )
- Universiti Terbuka Malaysia ( OUM ) 2006 hingga sekarang
  - ( Jurusan Kajian Sosial) - Mendapatkan Sarjana Muda Pengajaran

**Pengalaman :**

- Guru Sandaran Tidak Terlatih di SK.Sodomon 1985 hingga 1988
- Guru Terlatih di SM. Ken Hwa : 1990 hingga 1999
- Guru Terlatih di SK.Sodomon : 2000 hingga hari ini
- Jawatan sekarang : Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (2006 hingga sekarang).
- Pengerusi JKKK. Kg.Marasak : 2002 hingga sekarang.
- Pengerusi Persatuan Belia : Beliawanis Kg.Marasak (2002 hingga sekarang)

**Keluarga:**

- Berkahwin pada 06/06/1987
- Isteri Rosalia Daringkis
- Dikurniakan 7 cahaya mata(1 lelaki dan 6 perempuan)



**Peta Kg. Marasak, Sabah**

### Rujukan

\_\_\_\_\_Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dasar Sosial Negara. Cetakan Pertama 2003.

Jomo, K.S., (1988). Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial Di Semenanjung Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

Mahayudin Haji Yahaya ( 1986), Islam dan Pembangunan Negara.: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi

Mohd. Taib Hj. Dora ( 1993), Agihan Pembangunan: Teori dan Perlaksanaan, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

Persatuan Sains Sosial Malaysia, (1987). Pembangunan di Malaysia Persatuan Sains Sosial Malaysia: Kuala Lumpur.

Rahimah Abdul Aziz, ( 1989). Pengantar Sosiologi Pembangunan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur .

S. Husin Ali, (1976). Apa Erti Pembangunan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur .

Sulong Mohammad & Rahimah Abd. Aziz (ed.), (1985). Perbandaran dan Pembangunan Negara. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi

Shamsul Amri Baharuddin , (1990). Masyarakat Malaysia Yang Membangun. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur .

## **1.6 Definisi Pemimpin Atau Wakil Rakyat**

Mencari definisi *pemimpin* dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara tidak boleh tidak akan membawa kita menyusuri hasil-hasil penulisan beberapa karyawan berjasa dan tokoh dalam bidang persuratan Melayu di daerah Timur dunia ini. Tenas Effendy dalam bukunya *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*, (2000:1) menyatakan pemimpin itu lazimnya dalam masyarakat timur adalah *orang yang dituakan*. Orang yang dituakan adalah tokoh yang dipilih dan diangkat oleh (puak, kaum, suku, atau bangsanya) untuk memegang teraju pemerintahan, atau menjadi *pucuk* atau *induk* dalam kehidupan.

Pemimpin dan kepemimpinan itu pula adalah dua perkara yang sungguh berbeza. Pemimpin adalah orang yang diberi kedudukan sebagai ketua. Kepimpinan pula adalah pengaruh yang ada di kalangan orang yang dipimpinya. Kepimpinan atau pengaruh tidak perlu kedudukan atau pangkat ataupun status. Melalui analisa Tenas Effendy (2000) terhadap koleksi pemimpin dalam ungkapan tradisional Melayu Riau, beliau mendapati bahawa terdapat 194 jenis pemimpin. Pemimpin di kalangan masyarakat sebelah timur sangat dekat dengan rakyatnya, sangat besar pengaruhnya sebagaimana tercermin dalam ungkapan :

*Yang didahulukan selangkah*

*Yang ditinggikan seranting*

*Yang dilebihkan serambut*

*Yang dimuliakan sekuku*

Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan pengikutnya sangat rapat. Definisi *pemimpin* ini dikuatkan lagi oleh kajian oleh J.C. Maxwell (2001:27). Kajian beliau di kalangan masyarakat orang barat telah menunjukkan bahawa:

*Leadership is influence....nothing more, nothing less.*

Petikan di atas pula menunjukkan bahawa pemimpin adalah pengaruh dan tidak lebih dari itu. Pemimpin bukan pangkat atau kedudukan. Pemimpin adalah pengaruh seseorang ke atas orang lain atau masyarakat yang menjadi pengikutnya. *Pemimpin* di dunia timur seperti di Malaysia, Indonesia, Philipina, Thailand, sangat berpengaruh di kalangan rakyat jelata. Pemimpin diberi tiga perkara asas dalam kepimpinannya.

*Kepercayaan, Kekuasaan dan Kebebasan.*

Penyerahan ketiga-tiga unsur di atas dicerminkan dalam ungkapan adat berikut:

*'tangannya diberi melenggang, kakinya diberi melangkah, lidahnya diberi berkata.'*

Dalam ungkapan orang Melayu menyatakan bahawa pemimpin, di

*'ditinggikan seranting, didulukan selangkah',*

Maksud ungkapan di atas pemimpin dalam konteks Malaysia dihormati dan diutamakan. Pemimpin dipandang tinggi maksudnya apabila bercakap, cakupannya didengari, mukanya dipandang dan ampunnya dicari. Kalau bercakap didahulukan, kalau berjalan mesti di hadapan (Hanipah Hussin, 2004:25). Jikalau pemimpin itu orang yang dituakan dan kepimpinan itu adalah pengaruh, maka peranan pemimpin dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan sebagai berikut: Tenas Affendy, (2000)

*'didahulukan dapat diraih*

*'ditinggikan dapat dijangkau*

*dekatnya tidak berjarak, jauhnya tidak berantara'*

Bagi masyarakat Cina dan India, apa yang difahamkan sebagai pemimpin adalah orang yang menjadi orang tengah antara pemerintah dan rakyat biasa dalam urusan kehidupan dan perniagaan. Tan Teong Jin, HoWah Foon dan Tan Joo Lan (2005:249) merupakan sekumpulan penulis muda membuat kajian terhadap masyarakat Cina di Malaysia. Katanya,

*Kapitan China or any Chinese Community Leaders from 1949 after Malayan Chinese Association (MCA), played a central role in articulating the aspirations and grievances of the community on almost all the issues*

Kesimpulannya, pemimpin itu adalah orang yang diberi mandat untuk melakukan sesuatu perkara dalam masyarakatnya untuk tujuan menyelesaikan masalah dan juga menjaga kebajikan orang bawah yang dipimpin. Persoalan siapa pemimpin di antara kita semua boleh direnung melalui ungkapan di bawah ini. Pemimpin adalah:

*Yang dikemukakan oleh rakyat*

*Yang dimuliakan oleh kaumnya*

*Yang didudukkan pada patutnya*

*Yang ditegakkan pada layaknya*

*Yang dikukuhkan pada adatnya*

*Yang ditinggikan dari orang banyak*

*Yang didahulukan dari orang ramai*

*Yang diutamakan dari orang biasa*

*Sesuai menurut adat lembaga.* (Tenas Effendy: 2000:2)

### **Ciri-Ciri Pemimpin**

Penghormatan kepada pemimpin di kalangan masyarakat Malaysia hari ini tidak kira orang Melayu, China, India dan lain-Lain keturunan itu datang dari pengikut, maka pemimpin masyarakat dituntut memenuhi kriteria yang disyaratkan oleh budaya masyarakatnya.

Acuan dasar dalam memberi bentuk pemimpin dan kepimpinan di kalangan masyarakat orang Melayu adalah ciri-ciri keperibadian terpuji. Ciri-ciri keperibadian menentukan jenis pemimpin. Dalam ungkapan adat orang Melayu menyebut

*‘ tuah kain pada tenunnya, tuah pemimpin pada santunnya ’*

Di antara 194 jenis pemimpin Melayu yang dikaji, Terdapat 74 jenis pemimpin yang bersifat baik dan 120 jenis pemimpin yang bersifat buruk. Dari perangkaan ini dapat diperhatikan jenis pemimpin yang buruk lebih banyak dari yang baik. Oleh itu masyarakat perlu arif dan bijaksana dalam memilih wakil di antara mereka untuk menjadi pemimpin. Dalam ungkapan adat Melayu dikatakan tiga tingkah laku yang dilihat pertama ialah nilai-nilai kejiwaannya harus membawa kepada proses pembaikan, kedua darah dagingnya mengamalkan kepercayaannya dan ketiga seorang yang penuh harapan dan futuristic kepada diri dan kepimpinannya. Terdapat pantang dalam kepimpinan di kalangan orang Melayu. Adalah menjadi pantang dalam masyarakat Melayu untuk mempermain-mainkan pemimpin. Seperti kata ungkapan di bawah

*‘ apabila diangkat atas muafakat, menarik kembali besarlah akibat ’*

*‘ apabila pemimpin sudah didudukkan, dianjak-anjak jadi pantang ’*

Dalam konteks penulisan Siri Buku MUBARAK ini Pemimpin bersara merupakan bekas wakil rakyat yang pernah berkhidmat sebagai Yang Berhormat dan pernah menjadi wakil rakyat peringkat negeri ataupun di peringkat negara. Melalui buku *Kepimpinan Adat Serumpun*, Abdul latiff Bakar dan Hanipah Hussin (2004:11)

menyatakan beberapa sifat baik pemimpin yang patut direnung bersama seperti tersenarai di bawah ini.

Ciri-ciri yang perlu sebagai wakil rakyat dalam masyarakat Melayu dan terpakai juga dalam mana-mana kumpulan masyarakat dapat dijelaskan seperti di bawah.. (Tenas Effendy, 2000:122)

Ciri- ciri keperibadian pemimpin yang diharapkan oleh rakyat dari pelbagai kaum di Malaysia pada masa kini adalah seperti di senaraikan di bawah ini.

1. Banyak pengetahuan dalam kepimpinan, raja dan kerajaannya
2. Banyak tahannya, -tabah, sabar, tawakal, rajin dan rela berkorban
3. Banyak bijaknya,- marah dalam tertawa dan senyum dalam susah
4. Banyak cerdiknya-, strategik dan merancang dan boleh berunding
5. Banyak pandainya – menyelesaikan masalah yang kusut
6. Banyak arifnya- meangaku kalah dalam menang
7. Mulia budinya – banyak membawa kebaikan kepada anak buahnya
8. Banyak relanya- tidak mementingkan diri sendiri dan rela berkorban
9. Banyak ikhlasnya- tidak mengharap imbalan
10. Banyak taatnya- taat kepada hak dan kewajipan dan setia kepada petua amanah
11. Mulia duduknya- memelihara budi pekertinya di rumah, dalam masyarakat
12. Banyak sadarnya- mengkaji sebelum buat keputusan

Proses *muhasabah diri* secara menulis atau berbincang adalah digalakkan dalam usaha seseorang mencari dan memberi makna ke atas pengalamannya sebagai pemimpin (Hanipah 1999). Jika seseorang itu mengamalkan muhasabah diri dengan mengambil kira unsur-unsur seperti bisikan hati (self talk) dan nyalarasa (passion) sudah tentu ianya akan mempunyai pemikiran yang lebih jauh dan menjangkau ke dalam daerah pemikiran yang lebih luas.

Dalam bukunya ‘A Visionary & His Vision of Malaysia’s K-economy’ Tun Dr. Mahathir, menegaskan bukan maklumat, bukan ilmu tetapi kebolehan dan kebebasan membuat keputusan berdasarkan maklumat dan ilmu akan membuat seseorang atau sesebuah negara boleh maju dan setanding dengan bangsa lain. Kesemua ini tidak boleh dibuat oleh orang persaorangan , keputusan mesti dibincangkan dikongsi secara beramai

dan dalam hal ini pemimpin yang memainkan peranan dalam membawa bijak pandai, mencapai satu kata yang sepakat.

Kata beberapa orang pemimpin dalam refleksi mereka (Hanipah 2003, Catatan refleksi ),

*‘.....jika beginilah rumitnya mengurus diri, pemikiran dan emosi sendiri, tentu kita dapat bayangkan berapa banyakkah kekuatan yang perlu digandakan oleh orang yang bergelar wakil rakyat di kalangan kita untuk memimpin pemikiran dan emosi orang lain.....’*

Soalan untuk direnung adalah bagaimana pemimpin boleh mendapatkan kerjasama rakyat? Apakah kemahiran dalam kepimpinan yang perlu ada? Bagaimana dengan kemahiran berkomunikasi? Apa yang perlu ada adalah penghayatan dan penglibatan diri seseorang pemimpin yang berpanjangan dalam sesuatu isu sosial. Pemimpin harus lebih banyak mendengar dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Walaupun negara mengejar IT dan ICT pemimpin tetap dianggap sebagai pembantu dalam masyarakat seperti dalam ungkapan Melayu di bawah.

*Bagai pohon di tengah padang  
rimbun daunnya tempat berteduh  
kuat dahannya tempat bergantung  
kukuh batangnya tempat bersandar  
besar akarnya tempat bersila*

Dalam konteks hari ini, rakyat banyak menyoal ‘Bagaimana pemimpin yang terdiri dari YB, Datuk Sidang, Datuk Penghulu serta pegawai- pegawai JKKK ini memainkan peranan mereka?’ Mereka menyoal rakyat ‘Bagaimana unsur-unsur kepercayaan dan kerohanian yang tuan-tuan amalkan boleh berpadu dalam pemikiran secara menyeluruh dan dapat merubah tingkahlaku yang diinginkan di kalangan penduduk?’.

Bolehkah rakyat bijak pandai memberi wakil rakyat mereka ‘selangkah ke hadapan’, sebagai ketua mereka? Dalam hal ini Tun Dr. Mahathir menambah pesanannya kepada pemimpin dalam catatan beliau ‘*Shared Infrastructure*’ dalam buku *E-Government in Malaysia* (Mohd.Rais Adb.Karim: 2003), bahawa pemimpin biar



siapapun mereka, mereka harus belajar menahan diri dari kepayahan belajar perkara baru, apalagi untuk belajar perkara baru dengan berbantuan komputer.

Tulisan Pak Tenas Effendy dalam artikelnya yang berjudul ‘ Perspektif Nilai-Nilai Adat dan Etos Kerja’ pada 15 September 2003, dalam Musyawarah Besar II Masyarakat Adat Melayu Kapupaten Pelalawan, Pengkalan Kerinchi membincangkan kedudukan pemimpin dan etos kerja dalam acuan budaya Melayu. Beliau menegaskan setidaknya masyarakat Melayu masa silam memiliki etos kerja yang tinggi, mampu mengangkat harkat dan martabat kaumnya dari tidak berilmu kepada lebih berilmu, daripada penakut kepada mempunyai daya saing yang tinggi. Mampu menghadapi pesaing, tenang menghadapi cabaran emosi, mental, fizikal. Bagaimana dengan pemimpin masyarakat di negeri Melaka pada hari ini?

Soalnya kayu ukur kita tak sama! Pada masa dahulu kalau rakyat diam, tunduk boleh kita sangka setuju, pada hari ini rakyat yang diam dan tunduk itu, mungkin perancang, pembelot dan musuh dalam selimut. Kalau dahulu rakyat kurang berilmu, sekarang wakil rakyat terpaksa belajar lebih rajin untuk tambah ilmu. Ilmu dalam adat istiadat, ilmu pengurusan dalam perkahwinan dan kematian, ilmu sains kemasyarakatan, ilmu dalam komputer dan cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan kepimpinan.

Wakil rakyat sentiasa menjalin kerjasama bersama-sama Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan untuk memajukan penduduk dari semua aspek sosio-ekonomi. Mereka adalah pemimpin peringkat akar umbi yang diminta menghayati dan mengamalkan nilai-nilai luhur agama dan adat serta norma-norma sosial masyarakat setempat. Dalam buku ‘Pemimpin dalam Ungkapan Melayu’ Tenas Affendy, (2000) pemimpin dalam masyarakat Melayu digambarkan sebagai pemimpin ikutan seperti yang dibayangkan oleh pantun berikut:

Menjadi pemimpin menuruti adat

*Iman kukuh amalpun taat*

*Fikiran jernih hatipun bulat*

*Terhadap yang susah ia berminat*

Pada masa kini, Malaysia telah melaksanakan sistem demokrasi terpimpin di mana wakil rakyatnya dipilih melalui proses pilihan raya. Proses membuat pencalonan terhadap wakil Yang Berhormat seboleh-bolehnya menepati ungkapan orang Melayu

*kepercayaan jangan disia-siakan, kekuasaan jangan disalahgunakan dan kebebasan jangan berlantas angan. Kerana bila pemimpin sudah dilantik, jangan sekali diutak atik, apabila pemimpin sudah berdiri, ditukar salin berat sekali; ataupun apabila pemimpin sudah didudukkan dianjak-anjak jadi pantang dalam budaya kepimpinan masyarakat timur.*

## **1.7 Sistem Demokrasi Di Malaysia**

Sebelum pembaca mengenali tokoh dengan lebih dekat dan mengetahui sumbangan tokoh dengan lebih mendalam, adalah lebih baik pembaca mengenali dahulu sistem pemerintahan dan sistem demokrasi di Malaysia secara umum. Perkara seperti mengetahui konsep demokrasi, bagaimana amalan demokrasi berparlimen dilaksanakan, siapa Ahli Undangan Negeri dan apakah sistem yang digunakan dalam proses memilih dan menentukan teknik dan kaedah dalam proses demokrasi. Bagaimana proses pilihan raya terlaksana di peringkat bahagian dan cawangan adalah merupakan satu pengetahuan asas dalam sistem pemerintahan yang sepatutnya diketahui oleh semua warganegara di Malaysia.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, mengenali calon dan membuat pemilihan terhadap calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi cawangan dan bahagian adalah tanggungjawab setiap warganegara. Sebenarnya mengenali wakil rakyat melalui paparan surat khabar dan media massa, tidak mencukupi bagi menambah pengetahuan dan rasa tanggungjawab terhadap kepimpinan. Bagi mencontohi tokoh dalam politik, generasi muda perlu mengenali tokoh secara keseluruhan.

Tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Dato' Onn Jaafar, Tun Hussein Onn, Tun Abdul Razak, Tun Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah tokoh terkemuka dalam arena politik di Malaysia. Selain dari tokoh terkemuka ini ramai lagi tokoh di peringkat bahagian dan cawangan yang dekat dengan rakyat dan mudah dirunding. Bagi tokoh politik yang telah bersara dari menjadi wakil rakyat di bidang

politik pula, sudah tentu pengalaman mereka sangat berharga untuk dipelajari dan dikongsi bersama. Warganegara yang sentiasa peka kepada perubahan sistem pemerintahan dan sistem pentadbiran di dalam negaranya dan antarabangsa adalah merupakan belia yang dapat diharap oleh pihak pemimpin. Oleh itu pengisian erti kemerdekaan sehingga 50 tahun pada hari ini telah membuktikan kepada wakil rakyat bahawa, pengisian 100 tahun kemerdekaan akan datang mesti dirancang kerana hanya demokrasi terpimpin yang berteraskan falsafah pemikiran Islam akan menjadi sistem yang sempurna dan sesuai kepada semua bangsa.

### Prinsip Demokrasi Di Malaysia

Demokrasi berasal dari perkataan Inggeris *democracy*. Dalam bahasa Melayu mudah maknanya adalah kebebasan membuat pilihan. Amalan dalam mencari keadilan sosial. Ia adalah gambaran terhadap satu (sistem) pemerintahan negara oleh rakyat (menerusi wakil-wakil mereka yang dipilih dalam pilihanraya. Demokrasi berparlimen pula adalah satu sistem (perwakilan). Negara atau kerajaan yang berasaskan pemerintahan melalui wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat (dalam pilihanraya). Satu contoh jelas yang dapat menggambarkan prinsip demokrasi dilaksanakan oleh wakil rakyat di negeri Melaka adalah dalam ucapan Timbalan Pengerusi Konvensyen Negeri Melaka 1984, Tan Sri Rahim Tamby Chik:

*Prinsip, amalan budaya demokrasi memang menuntut seseorang wakil rakyat itu menghargai dan mementingkan suara ramai. Dalam suatu sistem yang demokratik, seseorang wakil rakyat itu harus sanggup dan sedia menerima teguran, di mana teguran teguran itu hendaklah digunakan sebagai maklumbalas untuk memperbaiki diri-sendiri sebagai pemimpin, dan seterusnya untuk memperbaiki organisasi yang dipimpinya.*

( Ucapan Penutup Pengeusi Konvensyen UMNO Negeri Melaka, 1984)


Istilah Demokrasi sebenarnya berasal daripada dua perkataan Greek iaitu ‘Demos’ dan ‘Kratia’. ‘Demos’ bermaksud ‘Rakyat’ dan ‘Kratia’ bermaksud

‘Pemerintahan’. Melihat dari sejarah awal, konsep Demokarsi ini dikatakan telah diasaskan oleh kerajaan Greek Purba pada abad ke – 4M. Konsep ini telah diperkembangkan oleh beberapa orang cendekiawan Greek seperti Socrates, Plato, Aristotle, dan Pericle. Sebelum wujudnya konsep pemerintahan demokrasi, kebanyakan negara telah mengamalkan sistem pemerintahan Monarki atau Beraja. Tetapi pada zaman Renaissance (1400 – 1600 T.M) konsep demokrasi telah diamalkan semula memandangkan sistem Monarki bersifat menindas. Pada abad ke-19 dan 20, terbentuk pula demokrasi yang bercorak moden disebabkan oleh berlakunya perkembangan teknologi yang akhirnya telah mengubah corak ekonomi, politik dan sosial. Secara ideal demokrasi perlu memenuhi syarat berikut;

- pemerintahan hendaklah berdasarkan suara ramai
- dasar awam dibuat oleh pemimpin yang dipilih melalui pilihanraya
- ketua negara dipilih melalui pemilihan umum dan bertanggungjawab ke atas badan perundangan
- tugas pemerintahan diamanahkan oleh pegawai yang dilantik berdasarkan kelayakan dari semua rakyat.

Daripada huraian di atas, jelaslah demokrasi merupakan satu konsep yang amat bermakna bagi sesebuah negara yang mendaulatkan kebebasan individu dalam menentukan pucuk kepimpinan negara. Frasa “daripada rakyat kepada rakyat” juga boleh dikaitkan dengan konsep demokrasi itu sendiri. Bagi negara Malaysia, amalan demokrasi berparlimen sudah tidak asing lagi. Malaysia mula mengamalkan sistem demokrasi setelah negara ini diisytiharkan merdeka. Jika dilihat sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia adalah berasaskan sistem Demokrasi Wesminster, England. Faktor ini disebabkan oleh Tanah Melayu pada masa sebelum kemerdekaan adalah di bawah jajahan British. Mekanisme bagi mewujudkan dan mengukuhkan lagi amalan demokrasi, lazimnya dibuat menerusi pilihan raya. Pilihan raya dan parlimen merupakan saluran rasmi dan sah di sisi undang – undang bagi semua rakyat Malaysia yang cukup syarat-syaratnya membuang undi. Amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dapat dijelaskan melalui Rajah 1.1 di bawah.

Rajah 1.1: Amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia



### 1.8 Amalan Demokrasi Berparlimen Di Malaysia

Pemerintahan negara kita sekarang adalah berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957. Perkara yang terkandung dalam perjanjian ini telah mengalami proses pindaan untuk disesuaikan dengan perkembangan politik semasa. Perlembagaan menjadi garis panduan pemerintahan, sistem politik serta proses pentadbiran negara.

## Perlembagaan

Perlembagaan adalah satu undang-undang dasar. Ia mengandungi prinsip-prinsip serta peraturan yang menentukan bentuk kerajaan dan kuasa yang boleh digunakan. Perlembagaan Negara telah membuat pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Hal ini diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Ini bermakna, perlembagaan menetapkan kuasa membuat undang-undang sama ada oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Perkara seperti kehakiman, hal-ehwal luar negara, kewangan, pendidikan dan pertahanan adalah di bawah Senarai Persekutuan. Senarai Negeri pula memperuntukkan perkara yang dijadikan undang-undang oleh Dewan Undangan Negeri seperti undang-undang Islam, tanah, pertanian, perhutanan dan perlombongan. Manakala Senarai Bersama pula mengandungi perkara-perkara seperti kebajikan masyarakat, biasiswa dan perlindungan mergastua.

Perkara yang tidak termasuk dalam ketiga-tiga senarai itu adalah terletak dalam kuasa Dewan Undangan Negeri. Walau bagaimanapun terdapat perkara yang membenarkan Parlimen membuat undang-undang walaupun perkara itu termasuk dalam Senarai negeri dengan syarat ia bertujuan untuk melaksanakan sebarang perjanjian antara Persekutuan negeri lain bagi tujuan menyelaraskan undang-undang di beberapa buah negeri, atau diminta oleh mana-mana Dewan Undangan Negeri.

## Raja Berperlembagaan

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung sebagai ketua Negara. Baginda dipilih memegang tampuk pemerintahan negara selama tempoh lima tahun oleh Majlis Raja-Raja. Yang di-Pertuan Agung bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.

Antara kuasa Yang di-Pertuan Agung adalah dalam hal melantik Perdana Menteri, tidak memperkenankan permintaan membubarkan Parlimen dan menitahkan perintah mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja bagi membincangkan perkara yang melibatkan

keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu. Perlembagaan juga memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agung melindungi orang Melayu dan bumiputra di Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Selain itu, baginda juga menjadi Panglima Tertinggi Angkatan Tentera dan kuasanya itu dilaksanakan oleh Majlis Angkatan Tentera.

Baginda juga mempunyai kuasa pengampunan bagi kesalahan dalam Wilayah Persekutuan dan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan. Raja-Raja Melayu yang lain mempunyai kuasa pengampunan di negeri mereka selaku ketua negeri masing-masing. Raja-Raja menjadi ketua agama di negeri mereka manakala Yang di-Pertuan Agung menjadi ketua agama bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan di samping negeri baginda sendiri. Perlembagaan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agung untuk mengisytiharkan darurat jika didapati keselamatan negara terancam dan memperkenankan semua rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Sistem Raja Berperlembagaan bererti Yang di-Pertuan Agung dan Raja-Raja Melayu menjalankan pemerintahan negara dan negeri atas nasihat ketua kerajaan di mana Perdana Menteri adalah ketua kerajaan di peringkat pusat manakala Menteri Besar atau Ketua Menteri sebagai ketua kerajaan negeri. Selain itu, Yang di-Pertuan Agung juga melantik anggota Jemaah Menteri dan Hakim Mahkamah dengan nasihat Perdana Menteri. Baginda terlibat dalam ketiga-tiga badan pemerintahan iaitu perundangan, pelaksanaan dan kehakiman.

### Badan Perundangan Parlimen

Parlimen adalah badan yang membuat undang-undang di peringkat persekutuan. Dari segi perlembagaan, Parlimen sebenarnya terdiri daripada Yang di-Pertuan Agung, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Dewan Negara atau Senat pada prinsipnya adalah lebih tinggi daripada Dewan Rakyat tetapi pada amalnya, Dewan Rakyat menjadi lebih utama berdasarkan keanggotaannya yang dipilih. Ahli kedua-dua Dewan itu adalah sama tarafnya iaitu sebagai Ahli Parlimen. Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.

Dalam proses penggubalan, menteri yang berkenaan perlulah berunding dengan Peguam Negara sebelum sesuatu cadangan dan dasar itu dijadikan rang undang-undang. Setelah diluluskan, barulah rang undang-undang itu digubal oleh Penggubal Undang-undang yang biasanya berunding dengan menteri dan pihak lain yang berkaitan dengan rang undang-undang tersebut. Rang undang-undang yang digubal itu perlulah dikemukakan untuk persetujuan Jemaah Menteri. Setelah diluluskan, menteri berkenaan memaklumkan kepada Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara tentang hasratnya untuk mengemukakan rang undang-undang tersebut. Setiausaha Dewan kemudiannya mengedarkan rang undang-undang tersebut kepada semua Ahli Parlimen.

Rang undang-undang itu mestilah melalui beberapa peringkat atau disebut baca sebelum diluluskan oleh Dewan Rakyat. Bacaan pertama untuk memberitahu secara lisan mengenai tujuan dan tajuk rang undang-undang itu manakala bacaan kedua adalah untuk prinsip dan rang undang-undang itu dibahaskan di mana ini adalah peringkat yang paling penting.

#### Badan Pelaksana Jemaah Menteri dan Kementerian

Badan pelaksana undang-undang ialah Jemaah Menteri atau kabinet iaitu badan penggubal dasar yang tertinggi di negara kita dan melaksanakan kuasa eksekutif di peringkat persekutuan atau kerajaan pusat. Kabinet menjalankan tanggungjawab secara bersama terhadap sesuatu keputusan yang diambil. Menteri dipertanggungjawabkan mengetuai sebuah atau beberapa kementerian bagi melaksanakan undang-undang, perancangan serta dasar kerajaan.

Perkhidmatan awam di Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara yang juga menjadi Setiausaha Jemaah Menteri. Ia adalah pegawai tertinggi dan mengawasi perjalanan kementerian dan jabatan kerajaan. Sesebuah kementerian biasanya mempunyai bahagian dan jabatan-jabatannya di peringkat pusat, negeri dan daerah. Terdapat juga kementerian yang mempunyai agensi yang bersifat autonomi yang dikenali sebagai Badan Berkanun. Badan ini ditadbir oleh sebuah majlis atau Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada menteri berkenaan.



Bagi mengendalikan urusan perlantikan, kenaikan pangkat dan disiplin pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, beberapa suruhanjaya telah ditubuhkan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan Majlis Angkatan Tentera.

#### Badan Kehakiman Mahkamah

Mahkamah mempunyai kuasa yang lebih besar jika dibandingkan dengan badan perundangan dan badan pelaksana. Kuasa mahkamah termasuklah kuasa mentafsir perlembagaan, mentafsir dan menguatkuasakan undang-undang, kuasa mengisytiharkan sebarang undang-undang sebagai sah dan kuasa mengisytiharkan sebahagian tindakan kerajaan sebagai tidak sah atau bertentangan dengan undang-undang.

Ciri penting badan kehakiman selain tidak memihak, ia bebas daripada kawalan sama ada badan perundangan dan badan pelaksana atau sesiapa pun. Yang di-Pertuan Agung melantik Hakim dengan nasihat Perdana Menteri dan baginda juga boleh menggantung perlantikan seseorang Hakim.

Terdapat dua kategori mahkamah iaitu Mahkamah Rendah dan Mahkamah Utama. Mahkamah Rendah terdiri daripada Mahkamah Penghulu, Mahkamah Majistret Kelas Satu, Mahkamah Majistret Kelas Dua dan Mahkamah Seksyen. Terdapat Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak tetapi terkeluar daripada hierarki mahkamah awam.

Mahkamah Utama terdiri daripada Mahkamah Agung dan dua mahkamah tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Malaya yang diketuai oleh Hakim Besar Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo yang diketuai oleh Hakim Besar Borneo yang berpusat di Kuching. Peguam Negara adalah penasihat undang-undang kerajaan dan bertindak sebagai Pendakwa Raya atau Peguam Bela bagi pihak kerajaan. Peguam Negara dibantu oleh pegawai daripada Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman.

#### Pemerintahan Rakyat Melalui Pilihan Raya

Asas utama sistem demokrasi berparlimen di Malaysia ialah penyertaan dan penglibatan rakyat dalam proses pemerintahan negara melalui pilihanraya. Oleh itu, rakyat terlibat dalam membuat keputusan terhadap penggubalan dasar dan pelaksanaannya. Oleh itu terdapat dua elemen yang penting kepada rakyat, pertama parti politik yang mereka anggotai dan proses pilihanraya yang diadakan di peringkat kawasan pilihanraya.

### Parti Politik

Malaysia mengamalkan sistem parti politik yang diambil dari Britain iaitu sistem parti politik pelbagai. Politik partisan bererti suatu perjalanan politik adalah berpihak kepada parti yang menang atau memerintah. Sejak merdeka, terdapat satu parti yang memegang tampuk pemerintahan iaitu Parti Perikatan dan sekarang Parti Barisan Nasional yang mempunyai pelbagai lagi parti di dalamnya.

Manakala parti-parti yang lain ialah Parti Islam SeMalaysia (PAS), DAP, PBS dan beberapa buah parti lain. Selama lebih 40 tahun merdeka, hanya Parti Perikatan (Barisan Nasional) yang memegang tampuk pemerintahan dan Perdana Menteri Malaysia adalah seramai 5 orang iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kini Yang Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sistem pelbagai parti adalah untuk membolehkan rakyatnya mempunyai peluang untuk mentadbir walaupun hanya satu parti sahaja yang mendominasi negara. Tetapi dengan kewujudan parti lain, parti yang menang tidak boleh suka-suka membuat pelbagai perubahan yang menyusahkan rakyat dan menyeleweng kerana dengan ini mereka boleh jatuh dengan mudah disebabkan semuanya bergantung kepada rakyat untuk mengundi.

### Pilihanraya

Pilihanraya adalah satu cara memilih wakil ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri melalui undi. Pilihanraya di negara kita adalah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Pilihanraya bukan sahaja penting dari segi amalan demokrasi tetapi penglibatan rakyat sebagai pengundi amat penting dalam menentukan kerajaan

yang memerintah serta corak sistem dan proses keadilan sosial negara kita. Rakyat menyuatkan kehendak mereka melalui wakil yang mereka pilih dalam pilihanraya.

Proses pilihanraya melibatkan tiga pihak iaitu Suruhanjaya Pilihanraya, pengundi dan calon. Bagi memastikan pilihanraya ini dijalankan dengan adil, perlembagaan memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah bebas daripada kawalan kerajaan. Ianya diketuai oleh seorang Pengerusi dan empat orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agung. Dalam sesuatu pilihanraya, berbagai-bagai isu dibangkitkan bagi menyakinkan pengundi supaya menyokong parti yang bertanding. Isu perkauman dan kepentingan negara adalah dua perkara penting yang mencorakkan sejarah kempen pilihanraya di negara kita ini.

Terdapat banyak faktor yang mencorakkan keputusan pilihanraya, antaranya termasuklah ketokohan calon, kekuatan parti politik, dasar parti atau kerajaan yang memerintah. Di samping manifesto pilihanraya, strategi dan taktik memancing undi juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengundi membuat keputusan. Pilihanraya adalah penting kepada semua warganegara kerana merekalah yang akan menentukan kerajaan. Oleh yang demikian, setiap warganegara perlulah melibatkan diri dan mengambil tahu perkembangan politik semasa ataupun menyertai pertubuhan politik.

Keputusan pilihanraya menunjukkan sikap pengundi terhadap parti yang memerintah dan parti pembangkang. Pembangkang menjalankan fungsi sebagai pemeriksa dan pengimbang kepada parti pemerintah. Dengan adanya pilihanraya, rakyat adalah terlibat dan ikut serta dalam proses demokrasi di negara Malaysia.

- a) Perkara-perkara yang boleh dibuat mengikut budibicara baginda, kebanyakannya hanya melibatkan hal ehwal diraja, adat istiadat dan hal-hal agama Islam bagi menjaga kepentingan orang Melayu. Yang Dipertua negeri pula boleh bertindak mengikut budi bicara dalam hal melantik Ketua Menteri dan apabila tidak mempersetujui permintaan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri.

## **1.9 Hubungan Rakyat Dengan Pemimpin (Contoh Negeri Melaka)**

Selepas Pilihan Raya selesai, Y.A.B Ketua Menteri dilantik ia berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan seluruh Negeri selaku Ketua

Menteri Melaka. Beliau adalah Pengerusi Portfolio Penguasa-penguasa Tempatan (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) Melaka yang terdiri dari wakil-wakil rakyat yang mewakili kawasan undi masing-masing.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Melaka pula bertindak sebagai penyelarasan, pengurusan dan pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan Negeri Melaka diletak di bawah Ketua-ketua pentadbiran bagi Penguasa-penguasa Tempatan Negeri Melaka (sekarang diketuai oleh Datuk Bandaraya) adalah seperti berikut.

- a) Majlis Perbandaran Melaka Tengah diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua-nya.
- b) Majlis Daerah Alor Gajah diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Alor Gajah yang juga Pegawai Daerah Alor Gajah.
- c) Majlis Daerah Jasin diketuai oleh Yang Dipertua yang juga Pegawai Daerah Jasin

Semua Penguasa-penguasa Tempatan Negeri Melaka adalah bertanggungjawab melaksanakan peraturan-peraturan, arahan-arahan di bawah suatu dasar sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Negara, untuk membasmi kemiskinan di kalangan Masyarakat, tidak mengira asal keturunan, agama dan kebudayaan mereka serta menyusun semula masyarakat supaya mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut pekerjaan atau kegiatan ekonomi.


Matlamat Wakil Rayat yang memegang Exco masing-masing adalah :

- Memberikan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang bercorak sosio ekonomi bagi kesejahteraan, kehidupan pemastautin.
- Bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggarakan semua projek-projek prasarana (infrastruktur) seperti jalanraya, perparitan, bekalan air minuman, bekalan elektrik, kemudahan-kemudahan perhubungan dan komunikasi yang baik, teratur dan sempurna.
- Bekerjasama dengan semua agensi-agensi Kerajaan untuk mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara.

- Berusaha mewujudkan suatu kawasan Perbandaran yang teratur mengikut perancangan-perancangan induk dan struktur, bersih, cantik dan indah supaya mempunyai suasana alam sekeliling.

Hubungan antara rakyat dengan pemimpin dalam konteks memilih wakil rakyat atau mengusulkan beberapa projek di peringkat negeri Melaka dapat diringkaskan dalam rajah di bawah. (Struktur Pentadbiran Negeri Melaka). Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bolehlah dianggap seperti kabinet negeri. Ia diketuai oleh Ketua Menteri. Melalui MMKN inilah semua permohonan dari rakyat dibacakan dan diteliti untuk mendapat persetujuan. Jika ada cadangan daripada rakyat yang tidak dipersetujui atau mendapat bahas yang lantang dari pembangkang, maka perubahan terpaksa dibuat.

Struktur Pentadbiran Negeri Melaka



Seperti contoh peruntukan di bawah Rancangan Malaysia bagi melaksanakan projek-projek seperti :-

- Pasar
- Perhentian bas/teksi.
- Membaiki dan menaikkan taraf infrastruktur
- Kemudahan-kemudahan awam
- Utiliti

Jika berlaku salah faham antara ahli kabinet negeri, kertas kerja akan dikaji dengan lebih teliti. Setiap satu cadangan mesti ada perancangan dan kertas kerja lengkap dan setiap permohonan mesti ada peruntukan untuk projek yang dipohon. Permohonan bagi projek seperti di atas mesti melalui penguasa tempatan. Sebabnya supaya tidak berlaku tindakan-tindakan dalam pembangunan tempatan. Tiap-tiap Penguasa Tempatan mempunyai pelan perancangan, pelan induk dan pelan struktur yang mengandungi unsur-unsur dan panduan-panduan bagi melaksanakan projek-projek perkhidmatan, tindakan-tindakan kawalan, penguatkuasaan, kutipan cukai dan lesen.

Oleh itu jika rakyat dapat memahami proses kerja yang berlaku sebelum semasa dan sesudah satu-satu projek kerajaan negeri, maka rakyat akan bersama pemimpin dalam mempercepatkan lagi proses kerja dan sentiasa bersabar jika ada halangan yang datang dan melambatkan siangnya satu-satu projek.

Ahli-Ahli DUN yang terpilih dalam pilihanraya umum akan menganggotai Dewan Undangan Negeri sekaligus membentuk kerajaan negeri. Di samping itu Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri bagi sesebuah negeri akan melantik seorang Menteri Besar/Ketua Menteri bagi kerajaan negeri yang dipilih dari kalangan mereka yang dipercayai boleh mendapat sokongan dari anggota-anggota Dewan Undangan Negeri.

Perlantikan seseorang calon sebagai Ahli DUN atau Pemimpin dibuat melalui satu upacara yang formal bagi memelihara kemurnian amalan demokrasi di negara ini. Ini bermaksud sebelum layak dipanggil Yang Berhormat (YB), setiap seorang daripada mereka dikehendaki mengangkat sumpah taat setia kepada Malaysia dan Perlembagaan terlebih dahulu. Bagi Dewan Undangan Negeri, upacara angkat sumpah ini harus dilakukan di hadapan Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri.


Bagi tempoh seseorang calon menjadi ahli DUN adalah sehingga Dewan Undangan Negeri dibubarkan oleh Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri. Namun seseorang calon boleh hilang kelayakan sebagai Yang Berhormat sekiranya disabitkan

kesalahan seperti yang disebutkan. Selain itu seseorang ahli DUN boleh juga secara sukarela berundur dengan menulis surat rasmi kepada Yang Dipertua. Wakil Rakyat, beliau boleh juga dilucutkan jawatannya sekiranya tidak hadir dalam setiap mesyuarat selama enam bulan dengan tidak mendapat izin Dewan berkenaan. Penentu yang paling penting bagi seseorang itu menjadi calon Pemimpin ialah nama beliau dipersetujui oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di sesuatu kawasan. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan beberapa perkara penting dalam memperkatakan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Rajah 1.2: Ahli Dewan Undangan Negeri




- ❖ Berfungsi sebagai majlis yang mendengar, membahas dan gubal undang-undang negeri
- ❖ Gubal undang-undang berpandukan kepada Raja/Yang Dipertua Negeri
- ❖ Dianggotai oleh ADUN




- ❖ calon yang menang bergelar ADUN/Wakil Rakyat
- ❖ warganegara yang berumur >21 tahun layak menjadi Ahli DUN
- ❖ boleh hilang kelayakan atas sebab-sebab tertentu



- ❖ Ahli DUN tidak boleh mewakili lebih dari satu kawasan pilihan raya
- ❖ Ahli DUN yang memenangi majoriti akan membentuk kerajaan negeri
- ❖ Raja/Sultan sesebuah negeri akan melantik seorang Menteri Besar



- ❖ Perlantikan dibuat melalui upacara formal bagi memelihara kemurnian



- ❖ Dikehendaki mengangkat sumpah taat setia kepada Malaysia dan Perlembagaan
- ❖ Disaksikan oleh Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri
  
- ❖ tempoh ahli DUN sehingga Dewan Undangan Negeri dibubarkan oleh Sultan/Raja
- ❖ boleh hilang kelayakan jika disabitkan kesalahan
- ❖ boleh secara sukarela berundur dengan menulis surat rasmi
- ❖ boleh dilucutkan jawatan jika tidak hadir dalam setiap mesyuarat dalam 6 bulan
- ❖ tidak boleh bertanding jika tidak mendapat restu daripada pucuk pimpin parti.

Penghulu pula dibantu oleh ketua kampung untuk mentadbirkan hal ehwal masyarakat di peringkat kampung. Segala maklumat, arahan, program pembangunan, dan dasar kerajaan disalurkan oleh Pegawai Daerah kepada penghulu, kemudiannya kepada ketua kampung dan seterusnya kepada masyarakat kampung.

*Haluan kapal ke Tanjung Gelang*

*Mudik mari ke Tanjung Labuh*

*Tuan umpama pohon yang rendang*

*Hujan dan panas tempat berteduh*

*Mudik muatan ke Tanjung Labuh*

*Selat Melaka dagangan dicari*

*ADUN Melaka terkenal sungguh*

*Kembangkan industri, sumber rezeki*



Kajian terhadap tokoh-tokoh sejarah silam perjuangan UMNO yang telah dilakukan oleh para sarjana Malaysia adalah contoh awal yang patut dicontohi. Dari zaman Allahyarham Dato' Onn Jaafar bawa kepada era Tunku Abdul Rahman Putra. Dari zaman Tunku hingga ke zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. Kemudian bawalah ke zaman Tun Hussein Onn.

Seterusnya kajian UMNO di zaman Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan zaman Pak Lah. Kajian ke atas segala perbezaan dan persamaan ideal perjuangan mereka membuatkan generasi semakin hampir kepada teori demokrasi yang berasaskan pragmatism dan demokrasi yang berasaskan idealism. Kajian dan penulisan segala kejayaan dan kelemahan perjuangan di zaman kepimpinan mereka wajar dikaji semula dengan pendekatan tertentu. Kalau terdapat kekurangan, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab generasi baru untuk memperbaikinya.

Kajian terhadap Kapten Hussein Onn, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Tan Sri Syed Jaafar Albar serta Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Kamaruddin. Himpunan semula segala suara-suara tokoh lama seperti Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Syed Nasir, Allahyarham Dato' Haji Ali Haji Ahmad dan suara Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmi. Dan di kalangan wanita, kajian terhadap suara-suara perjuangan Allahyarham Khadijah Sidek, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani dan juga suara-suara perjuangan Yang Berbahagia Ibu Zain dapat menjadi bahan rujukan sejarah tanah air yang sungguh berharga.

Pada masa sekarang terdapat banyak usaha penulisan dan penerbitan bagi menonjolkan ketokohan ahli politik tempatan. Ketokohan ahli politik tempatan ini merupakan contoh yang terhampir dengan rakyat yang akan membuang undi dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Jika mereka telah dibekalkan dengan contoh-contoh wakil rakyat tempatan mereka dan sentiasa mengambil tahu apa yang tokoh wakil rakyat di tempat mereka usahakan, mungkin orang kampung sendiri akan berkempen untuk menyokong wakil yang benar-benar layak menjadi wakil rakyat mereka dan mengundi wakil dari tempat mereka sendiri.

Kajian terhadap peranan dan sumbangan bekas pemimpin yang telah bersara dan ada di antaranya yang telah kembali kerahmatullah adalah usaha yang sedang dilaksanakan. Buku-buku mengenai kisah bekas tokoh-tokoh yang telah ditulis ialah

peranan dan jasa-jasa Allahyarham Tan Sri Abdul Razak Alias, Datuk Ahmad Jonit, Allahyarham Tun Ghafar Baba, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk Tan Cheng Swee, Datuk Fatimah Ahmad, Allahyarham Datuk Seri Mohd. Zin Abd. Ghani.

Mendiang Tun Tan Siew Sin, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, mendiang Datuk N.Arunasalam, Datuk Seri Mohd. Adib Adam, Allahyarham Datuk Ahmad Ithnin, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, Datuk Nawawi Ahmad, Datuk Kian Sit Har, Datuk Md. Di Abd. Ghani, Datuk Lim Soo Kiang, Datuk Dr. Lai See Liong, dan Tan Sri Datuk Wira Ahmad Nordin Mohd. Amin.

Semuga dengan adanya usaha yang sedikit ini dapat membawa tiga perkara besar. Pertama kepada para penulis, daripada proses menulis dan menyunting mereka sebenarnya merealisasikan makna kemerdekaan dan menjadi egen perubah masyarakat. Kedua, kepada tokoh, daripada proses interview dan proses mendokumentasikan peranan dan sumbangan tokoh, ilmu baru dipelajari iaitu, mendokumentasikan pelbagai bahan bukti untuk dijadikan folio dan manuskrip sebenarnya satu proses yang perlu dimulakan dari awal penglibatan lagi. Ketiga, kepada generasi muda, keluarga tokoh, anak-anak yang terlibat secara langsung dengan tokoh yang dikaji dalam proses menulis dan mendokumentasikan tokoh-tokoh tempatan ini, akan rasa mereka dihargai dan akan sedar bahawa ayah dan ibu mereka telah berbakti kepada negara. Semoga anak-anak dan keluarga sentiasa menghadiahkan surah Al-Fatihah.....Amin.

## **BAB 2**

## **STRATEGI REFLEKTIF DAN KONSTRUKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS-SOSIAL DI PENGAJIAN TINGGI**

### **2.0 Lituratur Teori Reflektif dan Konstruktivisme**

Menurut beberapa ahli konstruktivisme yang terkemuka seperti Jerome Brunner (1956), pembelajaran yang bermakna bermula dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pengkaji. Rutherford dan Ahlgren berpendapat bahawa pengkaji mempunyai idea mereka sendiri tentang hampir semua perkara, di mana ada yang betul dan ada yang salah. Jika kefahaman dan (salah konsep) diabaikan, kefahaman atau kepercayaan asal mereka tetap kekal walaupun dalam peperiksaan mereka memberi jawapan seperti yang dikehendaki oleh pensyarah.

John Dewey (1933:17) dalam buku klasiknya 'How We Think' bapa permodenan pendidikan barat, pula mengatakan bahawa pemikir yang hebat adalah mereka yang dapat memberi contoh-contoh yang jelas dan 'concrete'. Dengan menggunakan penggunaan lima pancaindera gambaran yang konkrit tadi akan dapat membantu pemikiran 'abstract'. Pensyarah yang cekap adalah pensyarah yang selalu memberi contoh-contoh dalam menerangkan konsep yang abstract.

Pendekatan 'student centred' dan pendekatan aplikasi dan amalan sains dan teknologi dalam pembelajaran hanya boleh dibuat bila pengkaji telah ada ilmu terhadap konsep asas sesuatu teori. Von Glasserfeld (1991) menambah dengan menyatakan bahawa konsep baru dan pengetahuan baru tidak boleh disampaikan kepada orang pengkaji semata-mata dengan percakapan sebab setiap orang mesti mengabstrak makna, konsep dan pengetahuan dari pengalamannya sendiri. Oleh itu Jerome Brunner menekankan kerja projek, kerja lapangan dan kajian tinjauan perlu ada dalam kurikulum supaya kaedah pembelajaran ini meluaskan 'meta-kognisi' pengkaji.

Higginson (1989) pula berpendapat proses mengetahui dan belajar dengan penekanan pada penglibatan aktif pengkaji. Manakala Silver (1990) menyatakan pengkaji lebih membina secara peribadi pengetahuan mereka sendiri daripada membuat salinan mental pengetahuan yang disampaikan oleh pensyarah atau buku teks.

Terdapat lima prinsip dalam membina ilmu dan menjadi asas kepada kecemerlangan mahasiswa.wi. Menurut saranan Brooks & Brooks (1993), terdapat lima prinsip utama dalam pendekatan konstruktivisme membina ilmu.

## 2.1 Prinsip Pendekatan Konstruktif Dalam Pembelajaran Sosio-Ekonomi

Pertama ialah pensyarah perlu menaplikasikan pendekatan ‘Problem Base Learning’ (PBL). Ia bermula dengan membentangkan masalah yang sesuai untuk menimbulkan kaitan isi pembelajaran kepada pengkaji. Antara masalah yang sesuai menurut Joel Greenberg (1990) ialah masalah yang memerlukan pengkaji membuat telahan yang boleh diuji olehnya, masalah yang memerlukan penggunaan alat atau bahan manipulatif yang mudah, masalah yang cukup kompleks supaya banyak pendekatan untuk penyelesaian masalah dicadangkan oleh pengkaji. Pendekatan ini akan memenuhi keperluan pengkaji daripada aspek kognitif dan sosial.

Keduanya, pensyarah menstruktur aktiviti pembelajaran pada konsep primer (holistik). Isu atau masalah yang holistik dan relevan lebih menarik minat pengkaji di sekolah. Apabila masalah yang dipaparkan secara holistik, maka pengkaji dapat memilih pendekatan penyelesaian masalah yang tersendiri demi membina kefahaman yang baru berdasarkan pengalaman dan pengetahuan masing-masing yang sedia ada.

Prinsip ketiga ialah pensyarah mengesan, memahami dan menghargai idea atau pandangan pengkaji. Menurut Brooks & Brooks pandangan pengkaji merupakan cara untuk mengesan penghujahan atau penyelesaian masalah yang dihadapi. Jikalau seorang pensyarah menghargai pandangan pengkaji, maka ia perlu mengesan pandangan pengkaji dan menanganinya dengan bimbingan. Pensyarah harus mengemukakan soalan-soalan yang relevan bagi mencabar pengkaji meluahkan pandangan dan membuat refleksi.

Prinsip keempat pula ialah pensyarah mengubahsuaikan cara pengajaran untuk menangani konsep baru yang telah dipengkajii. Pensyarah boleh melakukan ‘Pemikiran reflektif’ bersama pengkaji tentang apa yang telah mereka cuba lakukan semasa mengkajii sesuatu konsep yang agak kompleks (Ginsberg & Opper, 1979). Proses refleksi merupakan proses seorang pengkaji menganalisis semula proses kerja dan konsep yang diberikan. Mencari punca di manakah salah konsep berlaku. Bertanya diri sendiri mengapa salah konsep berlaku kepadanya dan bukan kepada rakan lain? Apa yang sebenarnya patut berlaku? Apa kesedaran yang telah ada? Bagaimana membuatnya

dengan betul dan apakah tindakan segera yang perlu dilakukan sekarang? Hanipah (2004).

Peranan utama seseorang pensyarah dalam slot 'pemikiran refleksi' di atas sebenarnya ialah untuk mewujudkan peluang-peluang untuk memudahkan proses pembelajaran berlaku dan pengkaji sendiri boleh mencapai kefahaman baru 'new understanding' dalam aktiviti pembelajaran.

Prinsip terakhir ialah menilai hasil pembelajaran dalam konteks pengajaran. Dalam konstruktivisme, tugas penilaian dibuat oleh pengkaji untuk melihat samada ia mencapai objektif pembelajarannya atau tidak?

Akhirnya kecemerlangan pengkaji dalam membudayakan ilmu itu terletak ke atas lima proses ia itu bagaimana ia :

Mengenal pasti masalah/salah konsep/konsep baru/ilmu baru yang perlu dibina

Merancang aktiviti penyelesaian masalah ke atas konsep dan theory yang baru

Mengesan, mencatat, memahami dan menghargai idea yang dapat dicerna

Membuat 'refleksi' ke atas proses pembelajaran di atas untuk menentukan tindakannya

Menilai semula proses pembelajaran di atas samada telah dapat 'kefahaman baru' atau memperkukuhkan kefahaman yang sediaada terhadap konsep dan teori yang dibina dalam dirinya sendiri dan ahli masyarakatnya.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Instrumentasi Kajian/ Alat Kajian

teknik refleksi dan semi structured interview berasaskan dokument rasmi merupakan alat mengumpul data. Data yang terkumpul kemudian disusun sebegitu rupa supaya memberi impak keatas peranan pemimpin tempatan ketika kawasan mereka dalam keadaan bermasalah..

Dapatan kajian dalam pembangunan sosio-ekonomi, mendapati soalan refleksi harus dibina dahulu sebelum dijadikan 'semi structured interview' Soalan seperti di bawah ini akan mendorong penemuramah sentiasa dalam format refleksi. Format ini membantu penemuramah sentiasa focus kepada matlamat mencari data iaitu mengupas masalah yang sedia ada dengan bantuan bukti-bukti yang ada di persekitaran mereka.

**INSTRUMENT KAJIAN;TEKNIK MENULIS  
REFLEKSI DALAM KAJIAN  
PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI**

- 1 Tulis satu cabaran sosio-ekonomi yang hendak diselesaikan di kawasan tempat tinggal anda
- 2 Mengapakah peranan pemimpin tempatan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi
- 3 Tuliskan pandangan anda terhadap fungsi pemimpin dalam menghadapi cabaran di kawasan mereka dan apakah tindakan pembangunan yang telah mereka laksanakan
- 4 Cadangkan cara bagaimana anda sendiri boleh bertindak untuk mengatasinya
- 5 Tuliskan tindakan yang pemimpin tempatan telah ambil bagi membangunkan kawasan mereka

3.

Asas menggunakan teknik refleksi pertama kerana nature kajian adalah membelakangi masa. Setiap yang telah ditinggalkan hanya boleh dikaji semula hanya melalui a) Pengalaman, b) Catatan dokument pentadbiran c) Bukti bergambar d) Media aktif e) Media cetak dan f) Gambar peribadi.

#### 3.1 Kesahan isi kandungan dan Kesahan gagasan

Perlu diingatkan bahawa metod kajian berdasarkan refleksi sendiri ini tidak menggunakan pengkaji luar kawasan pembangunan sosio-ekonomi yang dikaji.

Responden dalam kajian ini adalah pemimpin dalam pembangunan sosio-ekonomi itu sendiri. Mereka terdiri dari Pengerusi Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong, Penghulu, ADUN dan juga orang tua-tua di kampong. Format terhampir dapat mengekses informasi dan pengalaman individu terlibat adalah melalui teknik Grounded Constructivist Theory (Stauss and Corbin: 1990). Hanipah Hussin (2004) pula dalam kajiannya di Malaysia menambah bahawa catatan refleksi akan dapat menyingkap peristiwa dan kronologi masa yang terlibat serta emosi responden yang terlibat. Oleh itu semua wakil pengkaji telah mendapat pendedahan menulis dan menilai format refleksi sebelum mereka bertemuramah dengan respondent. Perkara ini dipastikan sebelum kerja lapangan bermula bagi memastikan terdapat kesahan isi kandungan dan kesahan gagasan

### **3.2 Lituratur untuk menyokong intrumen dalam kajian lapangan**

Pendekatan refleksi adalah merupakan satu aktiviti berfikir panjang, merenung diri dan keadaan dengan melibatkan kemahiran membuat pengamatan dan penaggapan seperti melihat, menganalisa, meneroka, mendalami isu, mencari dan membina nyalarasa diri secara positif, membuat konfrantasi dan berusaha mendapat celik akal baru ke atas isu atau peristiwa, membina pengetahuan baru, mendapat kesedaran terhadap realiti dan kebenaran secara sendiri. Dari proses ini seseorang dibimbing untuk mencari kefahaman baru terhadap isu yang dirasa dan dilihat, meneroka cadangan atau mencari alternatif terhampir dan praktikal untuk memperbaiki keadaan diri sendiri, mengatur rancangan bertindak untuk memperbaiki keadaan yang ada.

Pendekatan refleksi ini membawa pengkaji meneroka dan mendalami isu, sehingga mereka berjumpa dengan 'nyalarasa' atau 'penghayatan moral' diri sendiri dan bukan dipengaruhi oleh orang lain. Bahan yang digunakan di dalam P&P pembangunan sosio-ekonomi harus bersifat 'isu-isu hari ini' sebab dari hari ini pengkaji boleh menyatakan pemikirannya ke atas peristiwa. Kemudian pengkaji myatakan pemikirannya ke atas peristiwa tersebut dalam konteks masa sekarang dan selepas pengkaji mendapat 'celik akal' dan kefahaman baru mereka berupaya membuat jangkaan masa hadapan dan di masa inilah pensyarah memperkasakan jati diri, kepercayaan, etika, estetika dan nilai yang hendak diterapkan dengan membawa pemikiran pengkaji meneroka 'apa yang saya mahu lakukan selepas ini'. Apa yang pengkaji inginkan di masa hadapan harus

berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia iaitu melahirkan insan yang seimbang dan bertindak berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan. Jika element kepercayaan kepada Tuhan ini dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini tidak menjadi teras dalam proses berrefleksi, aktiviti berfikir panjang akan menjadi kosong, sesat dan terpesong dari tujuan asalnya.

Sehubungan dengan ini, teori-teori terhadap fungsi otak pada abad ke 21, telah membawa kesan kepada pengkaji-pengkaji dari Barat dan Timur di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran untuk menyelidik dan memahami tentang 'Pedagogical Content Knowledge' (PCK) di bidang masing-masing. Seperti apakah 'properties', sistem, mekanisme dan misteri yang terbina dalam otak manusia' semasa p&p dilaksanakan?. Dengan jumpaan beberapa teori baru tentang otak seperti peranan sistem otak limbik (limbic system) yang menangani (afektif domain) fungsi emotional, humanistik, empatetik, ekspresif, sensori interpersonal dan intrapersonal, kerohanian intuitif, konseptual, imaginatif, holistik dan visual dapat menolong pensyarah dan pensyarah moral serta pengkaji memahami 'perasaan empatetik' dan menekankannya dalam proses pengajaran moral. Perkara di atas merupakan sebahagian daripada 'Pedagogical Content Knowledge' dalam mata pengkajian 'Pendidikan Agama Islam dan Moral'.

Element emosi dan nyalarasa (passion) seseorang individu sebenarnya dikawal oleh sistem otak limbiknya. Dalam kehidupan seharian seorang pensyarah atau pengkaji itu pula, sesuatu peristiwa yang berlaku kepadanya adalah sesuatu yang berada di luar kawalannya. Dalam konteks ini proses refleksi ke atas peristiwa yang berlaku tadi adalah diterokai oleh taklukan oleh otak rasional, bisikan hati, (self talk) dan emosi. Kesemua unsur emosi ini dikawal oleh diri sendiri. Dalam hal ini melalui kajiannya ke atas sekumpulan pensyarah, Hanipah (1999) mendapati bahawa unsur emosi adalah unsur yang penting di dalam membangunkan pemikiran refleksi yang kritikal (critical reflection). Pemikiran refleksi yang bersifat kritikal ini adalah merupakan bisikan hati dan emosi yang ditulis atau dinyatakan oleh seseorang untuk menterjemahkan persepsinya terhadap isu etika, estetika dan nilai (cabang aksiologi dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan) yang hadir di sekitarnya. Proses dan amalan refleksi kritikal



seperti ini perlu diaplikasikan segera di sekolah untuk membetulkan sebarang pemikiran dan kepercayaan negatif.

Bisikan hati dan emosi yang ditulis atau diperkatakan adalah merupakan unsur afektif yang sedang diterokai dalam proses seseorang memberi gambaran terhadap konsep-konsep yang abstrak seperti kepercayaan kepada Tuhan yang disembah, keyakinan kepada sesuatu perkara, memberi metafora, menggunakan analogi, memberi sistesis, menyatakan intuitif. Itulah sebabnya proses refleksi kritikal secara menulis atau berbincang adalah digalakkan dalam usaha seseorang mencari dan memberi makna ke atas pengalaman yang lampau. Jika seseorang itu mengamalkan refleksi dengan mengambil kira unsur-unsur seperti bisikan hati (self talk) dan nyalarasa (passion) sudah tentu ianya akan mempunyai pemikiran yang lebih luas.

Contohnya seseorang yang mengamalkan pemikiran refleksi kritikal, akan mampu memberi kaitan dan hubungan antara pengalamannya dan falsafah dirinya sebagai manusia yang dicipta oleh Allah, Tuhan yang disembahnya, atau ia boleh membincangkan falsafah dan visi negara dengan mengaitkan pengalaman dirinya, ia boleh menulis aspek-aspek budaya dan norma-norma masyarakat dan amalan kaum tertentu dengan mengaitkan pengalaman dirinya, ia boleh membincangkan isu-isu politik secara rasional. Dengan hujah di atas maka Hanipah (1999) memberikan definisi refleksinya sebagai

*'Self reflection is an active and goal directed analysis with emphasis on the importance of the emotional mind (feeling and spiritual) and the rational mind (logical) in order to find the truth in their professional development.'*

Daripada definisi ini, Hanipah (1999) menegaskan bahawa proses refleksi itu harus bermula daripada sistem otak 'lymbik' yang berfungsi membawa sensitiviti kepada afektif domain dan mengembangkannya menjadi 'dataran hati' atau 'methaforical heart' yang terasuh dan terdidik dengan pemikiran yang berteraskan kepercayaan kepada agama. Refleksi kritikal adalah analisis secara aktif terhadap amalan diri dengan menggunakan pendekatan terarah dan bermatlamat. Refleksi kritikal menitikberatkan penerokaan domain afektif, (emotional mind) spiritual dan pemikiran rasional (rational mind) seseorang dalam tindakannya mencari ketelusan diri terhadap pembangunan profesion yang dibangunkan. InsyaAllah

Soalan semi-struktur interview dalam penghayatan kepada sosio-ekonomi negara

**Apakah isu atau event yang menarik perhatian saya terhadap bahan (what is the interesting event )**

---

**Mengapa perkara ini menarik perhatian saya (why does it interested to me?)**

---

**Bagaimana bisikan hati saya terhadap isu (how could I explain my emosion toword that)**

---

**Jelaskan pegangan, kepercayaan dan falsafah diri ke atas isu (Elaborate your belief and your philosophy)**

---

**Kefahaman baru/kesedaran yang saya dapat lihat /perolehi ( new understanding that I learned)**

---

**Cadangan dan Tindakan akan datang/rancangan memperbaiki keadaan (my future actions)**

